

**Jilid I
Bil. 47**



**Hari Selasa
15hb Julai, 1975**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5381]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 5426]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) [Ruangan 5426]

Rang Undang-undang Senjata (Pindaan) [Ruangan 5433]

Rang Undang-undang Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan) [Ruangan 5456]

UCAPAN TANGGUHAN:

Banjir di Kuala Lumpur [Ruangan 5477]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 15hb Julai, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N. P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BEN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIEF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).

- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

Yang Berhormat TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).

- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

Yang Berhormat TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).

- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).

- ” DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- ” TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- ” PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- ” TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- ” TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- ” TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TAN SRI SYED JA’AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- ” TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- ” TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- ” DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- ” TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- ” TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- ” TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG B.K., A.D.K. (Tawau).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- ” TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- ” TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA A.D.K. (Kimanis).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- ” TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KAMPUNG LANJUT TIN DREDGING BHD.—PEMBUANGAN KERJA

1. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa sepucuk surat arahan dari Kementerian ini Bil. (37) DLM.KB.TR. 13/65.J.(182) bertarikh 15-10-73 yang dialamatkan kepada majikan Kampung Lanjut Tin Dredging Bhd. Jinjang, d/a Anglo-Oriental (Malaya) Sdn. Bhd., No. 16, Jalan Tangsi, P.O. Box No. 300, Kuala Lumpur meminta majikan tersebut mengambil semula Encik Qua Chiew Peng, ketua merangkap Setiausaha Agong Kesatuan Kakitangan Pekerja-pekerja Lombong Se Malaysia, telah tidak diindahkan oleh majikan tersebut, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini terhadap majikan tersebut yang terang-terang mencabar Kementerian ini dengan menunjukkan sikap tidak mengambil berat tentang kebajikan pekerja-pekerjanya dan ketenteraman negara.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu telah menerangkan dengan betulnya, bahawa Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya di bawah Seksyen 16 (a) (4) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, telah memerintahkan Kampung Lanjut Tin Dredging Bhd., pada 15hb Oktober, 1973, supaya menggaji semula Encik Qua Chiew Peng, yang telah membuat rayuan terhadap pembuangan kerjanya oleh Syarikat tersebut.

Syarikat tersebut telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk membatalkan perintah Menteri tersebut, akan tetapi apabila permohonannya didengar pada 13hb Januari, 1975, syarikat ini telah meminta Mahkamah menangguhkan kes ini

kepada suatu masa yang belum ditetapkan kerana syarikat tersebut bercadang untuk menyelesaikan perkara tersebut di luar Mahkamah. Mahkamah telah meluluskan permintaan syarikat tersebut.

Sementara itu, pihak pengurusan syarikat tersebut dan Kesatuan Kakitangan Perusahaan Lombong seluruh Tanah Melayu, yang mana Encik Qua Chiew Peng ialah Setiausaha Agungnya telah bermesyuarat dan telah mencapai persetujuan di mana Kesatuan Sekerja tersebut telah membatalkan tujuan tindakan perusahaannya dan syarikat yang berkenaan pula telah bersetuju menunaikan tanggungjawabnya seperti yang diperintahkan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat. Encik Qua Chiew Peng telah dibayar semula tunggakan gajinya dan lain-lain bayaran dan seterusnya digaji oleh syarikat tersebut.

Suatu dakwaan telah dikemukakan terhadap syarikat tersebut di Mahkamah Majistret, Kuala Lumpur kerana tidak mematuhi perintah Menteri itu. Kes tersebut telah didengar pada 21hb Februari, 1975. Di dalam perbicaraan tersebut, syarikat yang berkenaan telah mengaku salah dan telah diberi amaran dan dibebaskan (Admonished and Discharged) oleh Mahkamah.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam jawapan Setiausaha Parlimen yang berkenaan ada mengatakan bahawa pihak majikan bersetuju hendak menyelesaikan di luar Mahkamah. Adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa ada satu perjanjian di luar Mahkamah di mana majikan hendak membayar semua gaji-gaji tunggakan yang mereka tidak membayar kepada pihak pekerja dan juga akan membayar gajinya sehingga keputusan daripada High Court, tetapi majikan telah memberhentikan bayaran gaji daripada bulan Jun, 1975. Adakan Kementerian sedar perkara ini berlaku?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sudah jawab, persetujuan telah dicapai antara Kesatuan Kakitangan Perusahaan Lombong Seluruh Tanah Melayu dan majikan. Dari pengetahuan Kementerian, Encik Qua Chiew Peng masih dibayar gaji oleh syarikat tersebut.

KAWASAN PERINDASTRIAN— DAERAH KAMPAR

2. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada terdapat rancangan-rancangan untuk menubuh sebuah kawasan perindustrian di Daerah Kampar, Perak supaya dapat mengurangkan bilangan kadar pengangguran di daerah tersebut; jika ya, beri butir-butir lanjut dan jika tidak, mengapa.

Menteri Perdagangan dan perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang terdapat dua kawasan perusahaan ringan (light industrial areas) di Kampar, Perak.

- (i) Kawasan perusahaan ringan di Jalan Iskandar, Kampar, yang meliputi 14 lot (setengah ekar tiap-tiap satu lot). Keseluruhan kawasan ini telahpun diperuntukkan kepada pengusaha-pengusaha.
- (ii) Kawasan perusahaan ringan New Wah Loong yang meliputi 34 lot (lebih kurang setengah ekar tiap-tiap satu lot); 90% daripada kawasan tersebut telahpun diperuntukkan kepada pengusaha-pengusaha. Memandangkan kepada kejayaan yang telah dicapai itu satu lagi rancangan telah dibuat untuk membuka satu lagi kawasan perusahaan ringan seluas 30 ekar yang terletak di batu 20 Jalan Ipoh/Kampar. Kawasan ini akan dimajukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

GULA—LANGKAH JANGKA PANJANG

3. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian:

- (a) menerangkan sebenarnya tentang krisis gula di negeri ini di mana harga gula sekali dinaikkan menjadi 70 sen oleh kerana harga gula mentah dunia mahal, dan kemudiannya diturunkan 5 sen atas alasan bahawa gula mentah yang dibawa masuk dari Thailand, murah sedikit harganya, dan kadangkala gula tidak boleh didapati di pasaran;
- (b) menyatakan samada ini merupakan satu cara golongan tertentu hendak merosakkan nama baik Kerajaan; dan

(c) menyatakan langkah jangka panjang supaya kita tidak sentiasa dimainkan.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, masalah kenaikan harga gula telahpun saya jelaskan di Dewan ini pada 11hb Julai, 1975 semasa menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Oh Keng Seng. Saya tidak ada apa-apa untuk menambah jawapan saya itu.

Tentang jawapan (kepada soalan (b) sebagaimana yang telah saya jelaskan di dalam jawapan saya itu masalah kenaikan harga gula telah dikaji dengan mendalam dan teliti sebelum kenaikan harga itu dikuatkuasakan. Di sini ingin saya menyatakan bahawa penapis-penapis gula tempatan telah memberi kerjasama yang sepenuh-penuhnya kepada Kerajaan di dalam usaha untuk menstabilkan harga gula dalam negeri.

Tentang jawapan kepada soalan (c) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah untuk menentukan supaya bekalan gula di dalam negeri tidak berkurangan dan harganya berpatutan. Kerajaan telahpun menandatangani perjanjian bekalan gula mentah dengan Australia yang mana 68% daripada keperluan itu telah ditentukan dan langkah-langkah yang lain akan diambil oleh Kementerian saya untuk mengadakan perjanjian bekalan gula mentah dengan negara-negara lain termasuklah negara-negara ASEAN. Di samping itu, langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi membesarkan lagi projek-projek gula yang disatukan (sugar integrated projects) di dalam negara supaya pengimpotan gula mentah daripada luar negeri dapat dikurangkan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa ada cakap-cakap yang mengatakan bahawa sebelum Kerajaan menaikkan harga gula yang pihak pengilang-pengilang meminta supaya dinaikkan, jika tidak maka kilang-kilang yang tersebut akan ditutup. Oleh sebab itu Kerajaan menaikkan harga yang demikian, tetapi kemudiannya berubah semula.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan semalam terhadap soalan yang sama, kenyataan ini tidak benar.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dalam tahun enam puluhan bekas Menteri Kewangan, Tun Tan Siew Sin, ada berkata bahawa tujuan Kerajaan ialah pada tahun 1975 mencapai pengeluaran gula di negara kita di mana negara akan cukup keperluan-keperluan gula. Sungguhpun ada beberapa sekim diisytiharkan, tetapi malangnya negara kita sangat jauh daripada target itu dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini bahawa target itu boleh dicapai oleh kerana apabila target itu dicapai tentulah kita tidak akan dipengaruhi oleh turun-naik harga dan supply and demand fluctuation gula di pasaran antarabangsa.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar adanya kenyataan sepertimana Yang Berhormat katakana telah dibuat oleh bekas Menteri Kewangan dalam perkara ini. Saya tidak percaya bahawa dalam masa tempoh yang singkat sahaja kita dapat menampung keperluan gula untuk negara daripada kilang-kilang integrated complex project yang kita adakan. Buat masa ini sekalipun kilang-kilang integrated mill yang berjalan di dalam negara kita hanya boleh mengeluarkan tidak lebih daripada 10% keperluan gula di dalam negara kita sendiri. Jadi, payah bagi saya menyatakan dengan tepatnya pada waktu bila kilang-kilang ini dapat menampung keperluan gula bagi negara keseluruhannya.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar negara kita mengimpot 80% gula yang dikehendaki atau digunakan oleh negara kita? Kalau benar, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berkata integrated sugar complex ini keluar cuma 10% daripada gula yang digunakan oleh negara kita. Bilakah integrated sugar complex ini boleh mengeluarkan lebih 10% supaya kita tidak payah mengimpot lebih daripada 80%?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin maklum, projek integrated sugar mill yang bergerak di dalam negara kita ini adalah projek yang baru sahaja wujud dan apabila baru sahaja wujud sudah tentulah kilang-kilang ini menghadapi berbagai-bagai masaalah (teething troubles) dan oleh kerana itu buat masa ini

sebagaimana saya katakan tadi 10% sahaja gula yang diproses yang boleh dapat menampung keperluan negara. Kita masih lagi memerlukan pengimpotan sebagaimana yang saya katakan tadi 68% gula mentah daripada Australia untuk diproses di dalam kilang-kilang gula kita dan kita juga terpaksa mengimpot gula putih bagi menampung baki yang kurang lagi selepas kita masukkan bilangan 68% gula mentah (raw) yang kita impot daripada Australia. Payah bagi saya sebagaimana saya jawab tadi memberi keterangan yang tepat pada waktu masa bila kita dapat mengeluarkan pengeluaran gula yang sebanyak-banyaknya untuk keperluan negara kita daripada gula-gula integrated yang ada dalam negara kita ini.

AIR LOMBONG—MENGALIRKAN

4. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Tanah dan Galian dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar bahawa dalam sebarang projek yang diselenggarakan untuk mengalirkan air lombong melalui anak-anak sungai kecil dan taliair kepada sebatang sungai kecil akan mengakibatkan banjir di kawasan-kawasan pertanian yang berhampiran dan merosakkan tanaman dan ternakan dan dengan yang demikian menyusahkan sebahagian besar daripada rakyat di kawasan itu untuk mencari mata pencarian, dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membetulkan keadaan ini.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, soal ini adalah sangat umum dan tidak dinyatakan kawasan yang terlibat. Banjir dan kekotoran air sungai boleh disebabkan oleh berbagai perkara seperti pembukaan tanah, hujan lebat menyebabkan tanah runtuh dan meratakan kawasan-kawasan bagi binaan bangunan ataupun jalan-jalan dan sebagainya. Tetapi jarang-jarang sekali disebabkan oleh air yang mengalir dari lombong-lombong. Walaupun demikian, jika ada kerosakan pertanian atau kekotoran di sungai disebabkan oleh aliran-aliran air dari lombong, maka tindakan undang-undang boleh diambil oleh Jabatan Galian ke atas pelombong-pelombong yang berkenaan dan jika didapati salah akan didenda dan juga dikehendaki dikenakan bayaran ganti rugi kepada tuan-tuan tanah bagi harta-benda atau tanaman yang musnah.

Segala undang-undang mengawal kekotoran atau limpahan air daripada lombong-lombong adalah didapati di dalam syarat-syarat yang terkandung di dalam Undang-undang Perlombongan iaitu Mining Enactment. Sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh memberitahu dengan tepat tempat-tempat yang berkenaan, maka perkara ini boleh disiasat. Tetapi biasanya air-air dari lombong adalah dikawal supaya tidak merosakkan tanaman-tanaman atau harta-benda orang-orang lain mengikut syarat-syarat yang dinyatakan dalam Bahagian 7 Undang-undang Perlombongan.

FELDA—PENIPUAN PEGAWAI DAN PESERTA

5. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar bahawa sebahagian daripada pegawai dan penduduk FELDA telah menipu FELDA, jika sedar, apakah tindakan beliau telah ambil untuk menghapuskan penipuan itu.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai berita-berita yang tersiar oleh akhbar-akhbar tempatan pada 15hb, 16hb, 17hb, dan 18hb Jun, 1975 baru-baru ini. Saya percaya ini telah timbul oleh kerana seorang Penyelia FELDA telah dituduh di Mahkamah Majistret Alor Gajah pada 12hb Jun, 1975. Kes ini masih dalam urusan mahkamah (sub judice). Saya tidak dapat untuk membuat apa-apa kenyataan selanjutnya. Sungguhpun demikian, adalah tidak wajar bagi merangkumkan bahawa sebahagian daripada pegawai-pegawai dan peneroka-peneroka FELDA berlaku curang terhadap FELDA. Saya ingin memaklumkan bahawa sejak beberapa tahun yang lampau FELDA sudah mempunyai Jabatan Odit Dalam yang dianggotai oleh bekas Pegawai-pegawai Biro Siasatan Negara untuk mengawal supaya perkara-perkara yang curang tidak bertapak di dalam FELDA. Pentadbiran FELDA adalah sentiasa mengawasi perkara-perkara ini dan tindakan tegas sentiasa diambil terhadap mereka yang didapati menjalankan perkara-perkara yang di luar daripada peraturan Lembaga.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan menjelaskan bahawa satu kes sahaja yang dibawa ke mahkamah

seperti yang disebutkan oleh beliau tadi. Adakah kes lain yang di dalam siasatan yang belum dibawa ke mahkamah yang terdiri daripada pegawai-pegawai FELDA?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu hanya satu kes sahaja.

PELAJARAN UGAMA ISLAM/SIBIK

6. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau menjalankan rancangan sebagai yang dikemukakan oleh Tan Sri Ainudin Wahid dari UTM iaitu pelajar Islam mempelajari Pelajaran Agama Islam dan pelajar yang bukan Islam belajar pelajaran sibik di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya telah mengadakan Pelajaran Agama Islam untuk murid-murid yang beragama Islam di sekolah-sekolah bantuan Kerajaan semenjak daripada tahun 1962, sebagaimana mengikut kehendak Akta Pelajaran, 1961 Seksyen 36 dan 37.

Kerajaan juga mengadakan pelajaran sibik di semua sekolah-sekolah bantuan Kerajaan untuk pelajar-pelajar samada yang beragama Islam atau bukan beragama Islam.

Cadangan yang dibuat oleh Tan Sri Naib Canselor UTM (Universiti Teknologi Malaysia) itu adalah untuk UTM.

PERKHIDMATAN BAS

7. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar walaupun tambang bas telah dinaikkan baru-baru ini tetapi perkhidmatan bas masih tidak mengikut sistem yang teratur yang mana kesesakan pengguna bas masih lagi terdapat di mana-mana perhentian bas.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan kenaikan tambang itu, satu surat pekeliling telah dihantar kepada semua syarikat-syarikat bas mengenai tindakan-tindakan yang harus mereka ambil bagi mengganti

bas-bas yang buruk dan memberitahu Kementerian ini secara bertulis mengenai rancangan-rancangan mereka bagi tempoh 6 bulan untuk memperolehi bas-bas yang baru atau memperbaiki lagi perkhidmatan bas mereka yang dijalankan sekarang. Setakat ini telah ada kesan bahawa syarikat-syarikat bas mengambil langkah untuk memenuhi kehendak-kehendak Kerajaan ini. Setengah-setengah syarikat bas kini telah mengganti bas-bas lama dengan bas-bas yang baru dan juga membuat tempahan untuk mendapat chassis baru bas. Untuk mengurangkan kesesakan penumpang-penumpang di perhentian-perhentian bas di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur, syarikat-syarikat bas sedang giat mendapatkan bas-bas yang lebih besar yang mempunyai dua pintu masuk untuk membawa lebih banyak lagi penumpang-penumpang. Pendek kata, Kementerian telah dan terus mengambil perhatian yang berat tentang perkara ini demi untuk kepentingan orang ramai.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan samada ia sedar bahawa salah satu sebab perkhidmatan bas tidak memuaskan ialah kerana kekurangan bas untuk kegunaan orang ramai, dan jika ia sedar, samada Kerajaan akan mengarahkan syarikat-syarikat bas untuk menambahkan bilangan bas mereka.

Tuan Richard Ho Hung Hun: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu kurang faham apa yang saya telah jawab tadi. Apa yang saya jawab tadi ialah syarikat-syarikat bas itu telah berjanji akan menambah bilangan bas-bas mereka.

HOSPITAL BESAR MELAKA— PERKHIDMATAN PERUBATAN

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar tentang keperluan yang segera untuk memperkembangkan Hospital Besar Melaka dan untuk menambah bilangan katil-katil kerana kekurangan bilangan katil-katil untuk memenuhi kehendak-kehendak bukan sahaja Negeri Melaka tetapi Negeri Johor yang berhampiran, telah memaksa pesakit-pesakit yang masih belum pulih dengan penuhnya disuruh keluar supaya membolehkan pesakit-pesakit baru dirawat, dan nyatakan rancangan-rancangan Kementerian beliau

untuk memperkembang dan menambah bilangan katil-katil dan wad-wad di Hospital Besar Melaka.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tiada cadangan untuk menambah bilangan katil di Hospital Besar, Melaka oleh kerana bilangan pesakit-pesakit yang dimasukkan ke Hospital ini dari kawasan-kawasan berhampiran di Negeri Johor memang akan berkurang, memandangkan usaha-usaha sedang dibuat untuk membaiki lagi kemudahan-kemudahan rawatan di Hospital-hospital Daerah Muar dan Tangkak dan menambah katil-katil dalam wad-wadnya. Hospital Daerah Alor Gajah telah juga dibuka semula dan jumlah katil-katil yang ada pada masa ini ialah 25. Sebaliknya cadangan-cadangan telah dikemukakan untuk membaiki mutu dan taraf perkhidmatan perubatan di Hospital Besar, Melaka dengan adanya pembaikan-pembaikan kepada wad-wad yang ada, Dewan Pembedahan, Makmal, Klinik Mata, Jabatan X-ray, Dobi dan sebagainya serta cadangan untuk mengadakan Yunit Kecemasan dan Kemalangan.

CACING DI KALANGAN KANAK-KANAK SEKOLAH

9. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau mempunyai rancangan hendak menghapuskan cacing di kalangan kanak-kanak di rumah-rumah panjang dan sekolah-sekolah di luar bandar, memandangkan keadaan kesihatan yang tidak memuaskan di kawasan-kawasan ini di Sarawak.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan yang di-Pertua, Kementerian saya bercadang untuk meluaskan rancangan menghapus cacing (*deworming programme*) di kalangan kanak-kanak sekolah di Sarawak pada tahun hadapan.

KECEMARAN UDARA DAN ALAM SEKITAR—BAHAYA KILANG PAPAN

10. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa mendirikan kilang-kilang perusahaan berdekatan dengan kawasan-kawasan kediaman adalah membahayakan kesihatan penduduk-penduduk sebagaimana dengan

kilang papan di Sungai Petani yang mana habuk-habuk papannya adalah merumitkan Sekolah Menengah Berasrama penuh yang berhampiran di situ. Jika sedar, bagaimanakah masaalah itu dapat diatasi.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ahli Berhormat bahawa penempatan kilang-kilang di dalam atau dekat kawasan-kawasan kediaman adalah merbahaya kepada kesihatan penduduk-penduduk, bukan itu sahaja malahan ianya akan menimbulkan masaalah-masaalah alam sekitar yang serius. Oleh kerana itu, Kementerian saya mempunyai rancangan sendiri meliputi masaalah zoning mengikut kawasan-kawasan kediaman, perindustrian, kawasan luar bandar dan perlindungan sebagai sebahagian daripada program kawalan alam sekitar yang akan kita adakan kelak.

Permit-permit untuk mengadakan kilang papan dan lain-lain industri yang mencemarkan adalah dikeluarkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun, oleh sebab alam sekitar sekarang di dalam Kementerian saya, saya telah mengarahkan supaya perkara ini dikaji untuk menentukan penyelarasan di antara program-program kawalan alam sekitar dan dasar perancangan fizikal.

PENJAJA-PENJAJA DI KUALA LUMPUR

11. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar bahawa masaalah penjaja-penjaja di Kuala Lumpur telah bertambah buruk baru-baru ini oleh kerana approach yang tidak realistik yang diambil oleh Dewan Bandaraya untuk mengatasi masaalah tersebut; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang beliau akan ambil untuk menyelesaikan perkara tersebut.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, ada 8,956 penjaja-pejaja dalam Kuala Lumpur sekarang termasuk penjaja penjaja tapak, bergerak, pasar dan peniaga-peniaga kecil gerai berkunci di tepi-tepi jalan dan emporium.

Dari jumlah ini 5,589 atau 62% adalah penjaja-penjaja tepi jalan (street hawkers). Selain dari itu adalah ditaksirkan lebih 2,000

penjaja-penjaja yang tidak berlesen menjaja di tempat-tempat awam memenuhi kesesakan keadaan lalu-lintas dan jalan-jalanraya. Penjaja-penjaja ini tidak mahu lesen berniaga di tempat-tempat dan tapak-tapak kosong yang disediakan oleh Dewan Bandaraya (sejumlah 2,956 tapak masih kosong di kawasan-kawasan penjaja yang dibenarkan oleh Dewan Bandaraya). Misalnya, baru-baru ini dari jumlah 135 penjaja-penjaja yang tidak berlesen di Jalan Pasar Baru hanya 53 daripada mereka memohon lesen untuk memasuki berniaga di tapak-tapak penjaja yang dibenarkan. Lapan puluh dua (82) daripadanya enggan memohon lesen, oleh yang demikian tindakan terpaksa diambil oleh Dewan Bandaraya.

Dewan Bandaraya sedang menyusun semula Unit Penjajanya dan bercadang menyelidik keadaan penjaja-penjaja keseluruhannya. Terutama sekali penjaja-penjaja yang tidak berlesen. Usaha-usaha akan ditumpukan kepada perancangan dan pembangunan terhadap penjaja-penjaja. Sambil itu langkah-langkah kesihatan dan menguatkuasakan undang-undang akan juga diperbaiki.

Ahli Yang Berhormat adalah seorang ahli Jawatankuasa Ad Hoc bagi Penjaja-penjaja di Dewan Bandaraya dan memang sedar tentang masaalah-masaalah penjaja. Dari masa ke semasa, cadangan-cadangan beliau adalah diterima dan dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya setakat mana yang boleh. Saya ingin mendesak beliau untuk terus membangkitkan masaalah-masaalah penjaja di dalam jawatankuasa ini dan membuat cadangan-cadangan "constructive" untuk menyelesaikan masaalah-masaalah ini.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Saya ingin tahu samada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sehingga masa ini penjaja-penjaja di Kuala Lumpur masih diganggu dan ditangkap oleh pihak Dewan Bandaraya dan samada beliau akan mengarahkan supaya tindakan diberhentikan sehingga Jawatankuasa Ad Hoc penjaja dapat bermesyuarat untuk membincangkan hal ini?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, seperti kata saya tadi tindakan harus diambil kepada mereka yang enggan menurut

undang-undang yang ada disediakan dan yang enggan mengambil tempat yang ditawarkan oleh Dewan Bandaraya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan ada lebih 2,000 penjaja-penjaja di Kuala Lumpur yang tiada berlesen. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan apakah sebab-sebab mereka enggan mengambil lesen dan mengapakah mereka tidak memohon lesen atau adakah Dewan Bandaraya sedar apabila mereka memohon lesen boleh dikatakan kebanyakannya tidak dapat lesen?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya ketahui apabila penjaja-penjaja memohon lesen tentu dia dapat daripada Dewan Bandaraya. Ada sejumlah 2,956 tapak kosong, dengan kerana itu saya fikir tidak timbullah soalan penjaja-penjaja itu tidak boleh dapat lesen. Saya fikir lebih baik lagi Ahli Yang Berhormat menunjukan soalan kepada mereka yang tidak berlesen.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Saya ingin meminta penjelasan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan samada ia sedar bahawa sebahagian tapak-tapak kosong yang disediakan oleh pihak Dewan Bandaraya tidak praktik langsung untuk penjaja berjaja dan apakah cadangan Menteri yang berkenaan untuk mengatasi hal ini?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat pun sedar masalah ini memang timbul apabila permulaan kita sediakan satu tapak untuk perniagaan. Sebelum orang awam sedar tempat itu ada penjaja belumlah ada orang sampai ke tempat itu, dengan kerana itu penjaja-penjaja itu enggan mengambil tempat-tempat yang ditawarkan oleh Dewan Bandaraya, tetapi bila orang ramai telah sampai ke tempat itu, tempat itu menjadi rebutan pula oleh penjaja-penjaja itu.

JALAN KUALA BARAM/ SEMPADAN BRUNEI

12. Tuan Yang Siew Siang minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan akan menabur tar di Jalan

Kuala Baram Utara yang sekarang ini diratakan dengan pasir dari Kuala Baram hingga ke Pejabat Imigresen yang panjangnya lebih kurang 8 batu, jika ya, bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulakan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya telah diberitahu bahawa rancangan untuk memperbaiki dan membarui muka jalan Kuala Baram/Sempadan Brunei telah dimasukkan untuk dipertimbangkan di dalam program Rancangan Malaysia Ketiga. Oleh kerana program Rancangan Malaysia Ketiga bagi Negeri Sarawak belum diputuskan lagi, maka saya tidak dapat memberitahu Dewan ini bilakah kerja-kerja ini dapat dijalankan.

PEMAJU PERUMAHAN

13. Tuan R. Rajasingam minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan apakah tindakan yang telah dirancang terhadap pemaju-pemaju perumahan yang telah membuat kontrak dengan pembeli-pembeli rumah tanpa membaharui lesen-lesen mereka, dan samada beliau dapat menjamin yang tindakan serta-merta dapat diambil di bawah Akta Pemaju-pemaju Perumahan 1966.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang sewajarnya akan diambil menurut perbekalan-perbekalan tertentu di bawah Akta Pemaju Perumahan (Mengawal & Melesen), 1966 dan Kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya terhadap mana-mana pemaju perumahan yang melanggar undang-undang itu kerana membuat kontrak dengan pembeli-pembeli tanpa mereka memperbaharui lesen mereka; melainkan jika pemaju-pemaju itu dapat membuktikan dengan sempurna bahawa pembaharuan lesen mereka itu belum dilakukan lagi pada masa kontrak-kontrak itu dibuat kerana satu-satu sebab yang menasabah yang diterima oleh Pegawai Perumahan.

Saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya akan berusaha bersungguh-sungguh menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajar dan segera, jika Kementerian ini mengetahui akan adanya penyelewengan

yang melibatkan mana-mana pemaju perumahan yang membuat kontrek dengan pembeli-pembeli rumah tanpa mempunyai lesen yang sah.

CUKAI PENDAPATAN

14. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan orang-orang yang didenda setelah didapati bersalah mengelak daripada membayar cukai pendapatan di Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli Yang Berhormat tidak menyatakan tempoh masa dalam soalan itu, saya akan memberi butir-butir lanjut bagi tahun 1974 sahaja. Dalam tahun itu Jabatan Hasil Dalam Negeri telah dapat menyelesaikan 604 kes mengenai pengelakan cukai pendapatan. Ini telah menghasilkan pendapatan cukai sebanyak \$44,201,954. Jumlah ini termasuk jumlah denda sebanyak \$15,062,391 yang dikenakan ke atas orang-orang yang terlibat dalam kesalahan tersebut.

Selain daripada yang disebutkan tadi Jabatan itu telah membawa 1,909 kes ke mahkamah oleh sebab kegagalan menghantar penyata-penyata cukai pendapatan atau keengganan mematuhi permintaan rasmi untuk maklumat mengenai perkara-perkara berkaitan dengan cukai. Dari jumlah itu 732 orang telah disabitkan dan membayar denda sebanyak \$120,565. Bakinya sebanyak 1,177 kes telah dikompoun sejumlah \$174,855.

PERKHIDMATAN PERUBATAN DI LUAR BANDAR

15. Tuan Sibat Miyut anak Tagong minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengadakan lebih banyak perkhidmatan perubatan di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan cita-cita Negara, Kementerian saya selalu memberi keutamaan untuk meluaskan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan ke kawasan-kawasan luar bandar khususnya di negeri Sarawak. Dengan adanya rancangan-rancangan perubatan yang teratur seperti Kawalan T.B. Sekim Membaiki Kesihatan Luar Bandar, Rancangan Mengawal Malaria, Rancangan Ke-

sihatan Ibu dan Kanak-kanak, Rancangan Mengawal Penyakit-penyakit Berjangkit, Rancangan Mengiodine Garam dan Rancangan Mengawal Kusta, banyak kawasan-kawasan luar bandar telah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan kesihatan.

Dari segi pembangunan, sukacita saya menyatakan bahawa semenjak 1970 kemudahan-kemudahan berikut telahpun bertambah:

Gudang-gudang Ubat Kecil	33 buah
Gudang-gudang Ubat Bergerak	28 ..
Klinik Pergigian Bergerak	2 ..
Pusat Kesihatan Kecil ...	15 ..
Perkhidmatan Doktor Udara	202 tempat

Bagi perkhidmatan-perkhidmatan Hospital, Hospital Serian masih lagi dalam proses pembinaan dan rancangan pembinaan Hospital Limbang telah mencapai ke peringkat terakhir. Pembaharuan ke atas 5 buah Hospital Daerah yang ada sekarang telah menambah lagi sebanyak 50 buah katil.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga pula, adalah dirancang untuk memperbaiki lagi perkhidmatan kesihatan dan perubatan di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak dengan membina lebih banyak Pusat-pusat Kesihatan dan Pusat-pusat Kesihatan Kecil di negeri Sarawak.

Tuan Luhut Wan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian Kesihatan bercadang supaya Kementerian itu menubuhkan ataupun memperbaiki gudang-gudang ubat yang di luar bandar di negeri Sarawak khasnya di sempadan negeri Sarawak dengan Kalimantan?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini barangkali saya akan mengkajinya oleh kerana saya sendiri telahpun melawat negeri Sarawak. Semenjak saya mengambil alih Kementerian ini saya telah melawat negeri Sarawak lebih empat kali dan kesemua Division-division di negeri Sarawak. Akan tetapi, tidak ada dibincangkan berkenaan dengan gudang ubat di Sarawak dengan sempadan Indonesia itu. Saya akan melawat ke negeri Sarawak jikalau masa mengizinkan pada bulan yang akan datang.

PATI PERASA (FLAVOURS ESSENCE)

16. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah berjaga-jaga yang telah diambil untuk menentukan bahawa perasa dan pati makanan tiruan keluaran tempatan atau dari luar negeri itu selamat untuk dimakan oleh rakyat; dan nyatakan garisan panduan yang boleh diberi kepada rakyat untuk membolehkan mereka menentukan bahawa perasa dan pati makanan tiruan adalah selamat untuk dimakan dan adalah tulen.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah berjaga-jaga, Kementerian Kesihatan telah mengambil sample-sample bahan pati perasa di serata negara dan menghantarkannya untuk dianalisa samada bahan-bahan tersebut mengandungi methyl alcohol atau lain-lain bahan yang tidak dibenarkan dan yang membahayakan kesihatan pengguna.

Di antara 372 sample yang telah diambil semenjak awal tahun ini yang terdiri dari 8 jenis-jenis pati perasa di bawah 21 tanda niaga (trade mark) adalah didapati 75 darinya melanggar undang-undang "The Sale of Food and Drugs Ordinance 1952". Tindakan seterusnya telahpun diambil termasuklah tindakan mahkamah dan sebanyak 294 botol telah dirampas dan sebanyak 657 botol telah dimeterikan dan tidak dibenarkan dijual sehingga analisa-analisa lanjutan dilakukan. Orang ramai telahpun juga diberitahu melalui akhbar-akhbar pada 3hb Februari, 1975 dan 22hb April, 1975 akan hal ini.

Langkah berjaga-jaga akan terus dijalankan dengan memeriksa sample-sample pati perasa dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati bahawa kebanyakan daripada perasa dan pati makanan yang mengandungi methyl alcohol ini ialah pati perasa tiruan. Kementerian saya telah berhubung dengan agensi-agen yang mengimpot pati perasa ini supaya mengiklan kepada orang ramai cara-cara mengenali label-label perasa-perasa tiruan. Akan tetapi mereka enggan berbuat demikian. Ini menghalang usaha-usaha kakitangan Kementerian saya daripada mengambil langkah-langkah tegas mencari dan merampas perasa-perasa tiruan itu. Oleh itu Kementerian saya hanyalah boleh mengesyorkan supaya orang ramai membeli pati perasa

jenis yang boleh dipercayai dan dari punca yang juga boleh dipercayai supaya mengurangkan kemungkinan terbelinya pati perasa yang rendah mutunya dan yang merbahaya.

PEKERJA DALAM SEKTOR SWASTA

17. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kementerian beliau sedar bahawa pengambilan buruh oleh sektor swasta tidak mengikut dasar sebagai yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, jika ya, apa tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap hal ini.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa pengambilan pekerja-pekerja oleh sektor swasta tidak mengikut dasar Kerajaan. Sebenarnya, dari maklumat yang dikumpulkan bahawa boleh dikatakan semua perusahaan-perusahaan baru di sektor swasta mengikut dasar ekonomi baru kerajaan berkenaan pekerjaan kecuali dalam keadaan di mana pekerja-pekerja Bumiputra yang mahir dan iktisas adalah berkurangan. Walau bagaimanapun terdapat keadaan yang tidak seimbang di perusahaan-perusahaan lama di mana majikan-majikan tidak dapat mengganti pekerja-pekerja bukan Bumiputra yang telah bekerja dengan pekerja-pekerja Bumiputra. Ini dapat dicapai dalam jangka masa yang lebih lama.

Pegawai-pegawai daripada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan agensi Kerajaan yang lain sedang mengawasi keadaan pekerjaan pekerja-pekerja Bumiputra supaya matlamat Kerajaan dapat dicapai.

LETRIK KE PARIT SULONG

18. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Tenaga Teknologi dan Penyelidikan menyatakan bilakah bekalan api letrik ke kawasan Parit Sulong akan dibekalkan dan juga nyatakan bilangan projek-projek bekalan api letrik luar bandar (sekiranya ada) di dalam kawasan Pilihanraya Parlimen Air Hitam dalam masa lima tahun yang akan datang.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, cadangan projek bekalan letrik ke Parit Sulong adalah dimasukkan ke dalam senarai cadangan projek-projek bekalan letrik luar bandar

bagi Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) untuk Negeri Johor dan pelaksanaan projek itu adalah tertakluk kepada persetujuan Kerajaan Negeri Johor. Sebanyak sebelas projek dalam kawasan Pilihanraya Air Hitam telah dicadangkan kepada Kerajaan Negeri Johor bagi memasuki dalam rancangan itu.

JAMBATAN BARU DI TAMPARULI

19. Tuan Haji Madina Unggut (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan pengangkutan menyatakan bila pembinaan jambatan di Tamparuli akan dimulakan dan bila pula jambatan itu dijangka siap.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa tawaran untuk membina jambatan baru di Tamparuli baru sahaja diberikan kepada satu pemborong tempatan di Sabah dan kerja-kerja pembinaannya akan dimulakan dengan segera. Adalah dijangkakan bahawa jambatan tersebut akan disiapkan dalam tempoh 1½ tahun daripada tarikh permulaan kerja dijalankan.

TANGGAGAJI ANGKATAN TENTERA

20. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan samada Kementerian beliau bercadang untuk mengubah sistem penyemakan tanggagaji anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia daripada lima belas tahun sekali seperti sekarang kepada satu tahun sekali sepertimana yang diamalkan oleh negara-negara barat, Britain misalnya.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar bahawa penyemakan tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia dijalankan lima belas tahun sekali. Dalam tahun 1956 satu Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan oleh Kerajaan telah mengkaji perkara ini. Kemudian dalam tahun 1964 satu lagi Jawatankuasa Kerja telah dibentuk untuk mengulangkaji dan menyemak struktur gaji dan sekim pencen anggota-anggota lain pangkat. Dalam tahun 1971 pula satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tan Sri Sheikh Abdullah telah ditubuhkan untuk mengulangkaji dan menyemak struktur gaji elaun-elaun dan

syarat-syarat perkhidmatan termasuk pencen semua anggota-anggota Angkatan Tentera, dan membuat perakuan-perakuan selaras dengan perakuan-perakuan oleh Suruhanjaya-suruhanjaya Gaji Suffian dan Aziz. Akhir tahun lalu satu lagi Suruhanjaya yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ibrahim Ali telah juga ditubuhkan untuk menyemak dan menyelaraskan tanggagaji, elaun dan pencen dalam Perkhidmatan Kerajaan termasuklah Angkatan Tentera.

Di samping itu, di Kementerian Pertahanan ada sebuah Jawatankuasa Tetap yang menimbang dari masa ke semasa syor-syor berkaitan dengan elaun dan syarat-syarat perkhidmatan anggota tentera. Jadi soal mengadakan penyemakan sekali setahun adalah difikirkan tidak perlu pada ketika ini.

BAS DI PULAU PINANG—TAMBANG

21. Datuk Albert Mah minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar syarikat-syarikat bas telah mengenakan tambang lebih daripada satu sen bagi setiap batu bagi penumpang-penumpang bas di Pulau Pinang semenjak kelulusan untuk kenaikan tambang bas diberikan; dan
- (b) apakah langkah-langkah akan diambil untuk mencegah syarikat-syarikat bas mengenakan tambang yang lebih kepada penumpang-penumpang.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sepanjang pengetahuan saya, semua syarikat-syarikat bas di Pulau Pinang adalah mengenakan tambang-tambang mengikut kadar yang telah diluluskan oleh Kementerian saya. Saya diberitahu oleh Ketua Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor, Pulau Pinang bahawa sehingga sekarang pejabatnya belum lagi menerima sebarang aduan daripada orang ramai terhadap kenaikan tambang yang berlebihan sebagaimana didakwakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

(b) Langkah-langkah sewajarnya akan diambil jika terdapat aduan-aduan tertentu mengenai kenaikan tambang berlebihan ini.

LETRIK DI NEGERI KELANTAN

22. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan banyaknya bekalan letrik yang sudah disediakan di Negeri Kelantan setakat ini mengikut peratus, dengan memberi detail mengikut jajahan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya kurang faham maksud soalan Ahli yang Berhormat ini. Kalau bermaksud yunit-yunit yang dibekal kepada pengguna-pengguna di jajahan-jajahan di Negeri Kelantan, Lembaga Letrik Negara tidak ada menyimpan statistik berkenaan pengeluaran kuasa letrik di dalam setiap jajahan Negeri Kelantan oleh kerana seluruh Negeri Kelantan disifat sebagai sebuah Daerah Lembaga Letrik Negara.

Jumlah yunit ang dijual dalam Negeri Kelantan adalah sebanyak 46,872,048 yunit setahun.

UNIVERSITI—KELAYAKAN MASUK

23. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Pelajaran menerangkan keriteria dalam memilih calon-calon untuk masuk ke universiti-universiti tempatan dan samada kelulusan pelajaran yang lebih baik tetapi tidak diberi tempat.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, calon-calon dipilih masuk ke universiti berdasarkan kelayakan masing-masing. Kementerian telah memastikan bahawa dalam urusan kemasukan ke universiti-universiti tahun ini adalah mengikut tatacara yang adil dan saksama dengan penilaian diberi bukan sahaja kepada kelulusan tetapi juga kepada kursus dan latarbelakang calon-calon tersebut. Oleh sebab itu, terdapat calon-calon yang sama kelulusan atau lebih baik tidak diberi tempat.

LETRIK DI TELOK ANSON

24. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan samada beliau sedar bahawa kawasan Telok Anson dan Jalan Leach di Ipoh selalu tergendala bekalan letrik; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi perkara ini.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, bekalan letrik ke Telok Anson diberi melalui talian 22 kV Perak River Hydro Electric Company dari Prah ke Degong dan kemudian dari Degong ke Telok Anson sejauh jumlahnya 25 batu. Dari Prah ke Degong adalah di bawah jagaan Perak River Hydro Electric Co. dan dari Degong ke Telok Anson di bawah jagaan Lembaga Letrik Negara. Apabila berlaku kerosakan di atas sistem talian yang panjang ini, tindakan untuk mengesan kerosakan ini akan mengambil masa yang lama, terutama, kalau kerosakan berlaku kepada “pin insulator” yang disambar petir (lightning). Kalau insulator itu pecah terus atau talian itu putus, boleh kelihatan dan dibaiki dengan segera, tetapi kalau pecahnya kecil atau kadang-kadang cuma retak sahaja, maka ini payah hendak diketahui. Kerosakan seperti ini memerlukan pemeriksaan di tiap-tiap tiang atau tower.

Untuk memberi bekalan yang sempurna bagi penggunaannya di Telok Anson, Lembaga pada masa ini, sedang giat dengan kerja untuk mengadakan satu talian 132 kV yang akan dibina dari Woh, Batang Padang melalui Kampong Gajah dengan line “twin circuit”, iaitu 2 line, yang bererti kalau satu line rosak, line yang lagi satu boleh dipakai. Adalah dijangka bahawa talian baru ini akan siap pembinaannya pada akhir tahun 1976. Sementara menunggu tarikh ini, Lembaga juga tidak ketinggalan memperbaiki sistem 22 kV di Telok Anson di mana perlu untuk mengadakan bekalan yang sempurna.

Bagi Jalan Leach di Ipoh bekalan letrik didapati tergendala oleh kerana lebih bebanan dan pada masa ini L.L.N. sedang bergiat mendirikan sebuah pencawang letrik di Jalan Treacher. Adalah dijangka bahawa pencawang ini akan siap dibina pada 15 Julai, 1975 dan dengan itu bekalan akan pulih seperti biasa.

HOSPITAL BESAR MELAKA— KEMATIAN WONG AH NGAU

25. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan :

(a) samada beliau telah menerima sepucuk surat yang beliau (Tuan Lim Kit Siang)

hantar kepada beliau bertarikh 24-3-75 yang berbunyi:

“Y.B. Tan Sri,

PENYIASATAN AWAM DI ATAS KEMATIAN
CIK WONG AH NGAU 22

Saya merujuk perhatian Tan Sri kepada keadaan yang luar biasa yang menyebabkan kematian Cik Wong Ah Ngau selepas menerima rawatan di Hospital Besar Melaka pada 21hb Mac, 1975.

Wong Ah Ngau, pemegang kad pengenalan bernombor 4416406, seorang pekerja handicraft adalah anak sulung di dalam keluarga lima orang termasuk ibu-bapanya yang bekerja sebagai petani yang berasal dari Batu Lima, Batu Berendam, Melaka.

Beliau telah dirawat di Hospital Besar Melaka selama sepuluh hari dari 19-4-72 ke 28-4-72 apabila beliau belajar di Tingkatan Tiga di Sekolah Perempuan Durian Daun. Beliau berkomplain beliau mengidap penyakit asthma.

Sebelum beliau dikeluarkan dari Hospital, beliau diberitahu oleh doktor yang merawatnya untuk meminta sejenis suntikan tertentu dan juga sejenis pil tertentu sekiranya beliau mengidap penyakit asthma dalam masa kemudian kelak. Dalam beberapa tahun yang lalu beliau sentiasa pergi ke Hospital Besar Melaka dan meminta suntikan dan pil tersebut apabila beliau diserang penyakit asthma dan ini telah memberi kesan yang baik untuk memulihkan beliau.

Pada 21hb Mac, 1975, beliau diserang sekali lagi dengan penyakit asthma seperti dahulu. Teman lelaki-nya membawa beliau ke Hospital Besar Melaka dengan motosikalnya. Beliau dirawat oleh seorang doktor di wad penyakit luar pada lebih kurang pukul 11 pagi. Wong Ah Ngau kemudian memberitahu teman lelaki-nya bahawa beliau diberi suntikan yang jenis lain dan pada tempat yang lain ditangannya. Walau bagaimanapun, beliau diberi pil yang sama seperti dahulu.

Beliau merasa ketat di bahagian dadanya selepas 15 minit setelah menerima suntikan. Beliau telah dibawa

balik ke rumah oleh teman lelaki-nya dan beliau sampai rumah pada lebih kurang pukul 12.15 tengahari.

Wong Ah Ngau telah berasa tidak selesa dan tidak senang. Lebih kurang pada pukul 3 petang, beliau merasa sejenis sakit yang teruk di bahagian dadanya sehingga beliau menggunakan buku limanya untuk menumbuk dada beliau. Dalam masa lebih kurang tiga minit beliau pun pengsan. Apabila ayahnya mengejar beliau ke Hospital Besar Melaka di dalam sebuah Bas Sekolah, beliau telahpun meninggal dunia.

Pihak Hospital Melaka enggan mengeluarkan sijil kematian atas alasan bahawa Cik Wong Ah Ngau tidak meninggal dunia di Hospital.

Kematian ini adalah luar biasa dan saya menyeru Tan Sri menjalankan satu penyiasatan awam untuk menentukan apa yang sebenarnya berlaku supaya memulihkan kepercayaan orang ramai terhadap taraf rawatan pesakit di Hospital Besar Melaka.

Yang ikhlas,

t. t.

(LIM KIT SIANG)”

- (b) apa tindakan yang beliau telah ambil berkenaan kematian yang luar biasa Cik Wong Ah Ngau.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang dipertua,

- (a) Tidak. Saya tidak ada terima surat yang dikatakan telah dihantar kepada saya oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 24hb Mac, 1975. Namun begitu, setelah menerima Pemberitahu Pertanyaan Dewan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya telah mengarahkan supaya tuduhan-tuduhan itu disiasat. Saya telah diberitahu bahawa pesakit itu telah mengidap satu penyakit kronik dari semenjak bulan Ogos, 1969, dan telah masuk dan keluar hospital dari semenjak itu. Pada hari yang berkenaan, pesakit telah diperiksa di Klinik Jabatan Pesakit Luar dan telah diberi ubat dan rawatan yang betul berseimbangan

dengan penyakitnya. Oleh kerana kematiannya itu telah tidak berlaku di Hospital, adalah betul bahawa pihak Hospital tidak boleh mengeluarkan Sijil Mati.

- (b) Kita tidak mengetahui ada apa-apa perkara luar biasa yang menyebabkan kematian pesakit Cik Wong Ah Ngau. Jika seseorang pesakit itu mati di rumahnya sendiri dan jika disyaki ada sebarang keadaan luar biasa di atas kematiannya itu, maka ini terpulanglah kepada sesiapa jua saudaranya atau orang awam yang mengesyakinya itu melapurkan ke pihak Polis untuk membuat siasatan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana kematian Cik Wong Ah Ngau ialah berkenaan dengan injection (suntikan) yang beliau dapati di hospital pagi itu, dan oleh kerana beliau diberi ubat yang berlainan daripada apa yang biasa diberikan kepada dia, adakah siasatan akan dijalankan oleh Kementerian atau Yang Berhormat Menteri dari segi kemungkinan salah ubat diberi kepada si mati yang mengakibatkan kematiannya?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab perkara kematian Cik Wong Ah Ngau ini tetapi Ahli Yang Berhormat itu tidak ada dalam Dewan ini. Saya kira tidak payahlah saya mengulangi sekali lagi apakah jawapan yang saya telah terangkan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Saya ada dengar, sungguhpun saya tidak ada di sini, oleh kerana saya ada di luar bincang mengenai "palace revolution" yang dijalankan di Sabah, tetapi saya dengar butir-butir jawapan Yang terhormat dan soalan itu adalah sangat tepat. Oleh kerana soalan salah ubat yang diberi kepada pesakit ialah satu perkara yang merisaukan rakyat jelata dan di mana perkara semacam ini berlaku sangat mustahak satu siasatan yang tetap dijalankan, dan inilah soalan saya: adakah kemungkinan perkara salah ubat diberi disiasat sedalam-dalamnya?

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Menteri menjawab, saya hendak bertanya sedikit. Yang Berhormat kata tadi bahawa kematian itu adalah disebabkan oleh salah ubat, salah injection. Adakah proof dan keterangan atas kesalahan ini?

Tuan Lim Kit Siang: Itulah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah siasatan dibuat dari segi itu?

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Ahli Yang Berhormat membuat statement berkata kematian itu kerana salah ubat. Ada statement atau tidak ataupun hendak ditanya sudahkah disiasat, adakah kematian itu disebabkan oleh kerana salah ubat. Itu lain cara soalnya.

Tuan Lim Kit Siang: I repeat soalan saya. Oleh kerana kematiannya akibat selepas suntikan yang diberikan kepada si mati dan ubat itu lain daripada apa yang biasa diberikan kepada dia dan apabila di masa-masa dahulu ubat yang diberi tidak ada riaksi yang buruk tetapi kali ini ada riaksi yang buruk. Tentulah satu kesimpulan yang tidak boleh dielakkan ada kemungkinan yang besar bahawa salah ubat diberi yang mengakibatkan kematiannya. Adakah Yang Berhormat Menteri membuat satu siasatan yang mendalam mengenai perkara ini oleh kerana ini satu perkara public interest?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, setiap kes yang diberi rawatan di hospital adalah diperiksa oleh pegawai-pegawai ataupun doktor-doktor yang mahir dengan telitinya. Begitu juga ubat yang diberikan kepada tiap-tiap pesakit itu mengikut prescription oleh doktor yang berkenaan dan kita tidak boleh mengatakan bahawa seseorang yang mati itu oleh kerana tersalah makan ubat. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu boleh "to establish a case" yang benar-benar, barulah Kementerian saya akan menyiasat. Akan tetapi jikalau ada seorang saudara-mara ataupun warisnya dan sebagainya boleh mengesahkan bahawa pesakit itu mati oleh kerana diberi ubat yang salah. Hal itu hendaklah disampaikan kepada Polis dan kita bersama pihak Polis akan mengadakan satu siasatan yang independent. Jadi mengenai kes ini, saya telah terangkan yang saya tidak mendapat laporan-laporan yang mengatakan bahawa kematian ini disebabkan oleh salah ubat.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 26 hingga 50 adalah diberi di bawah ini).

BAS-MINI—PERKHIDMATAN

26. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) nama-nama pekan di Malaysia yang akan mempunyai perkhidmatan bas-mini dan bilangan bas-mini yang dibenar dijalankan di sesebuah pekan; dan
- (b) samada pekan-pekan di Sabah dan Sarawak akan juga menikmati perkhidmatan bas-mini ini, dan jika ya, berikan nama-nama pekan tersebut dan bilangan bas-mini yang dibenar dijalankan dalam sesebuah pekan.

Menteri Kerjaj Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani bin Gilong):

- (a) Setakat ini hanya Wilayah Persekutuan sahaja yang dibenarkan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan sebanyak 76 lesen bas-mini yang akan memulakan perkhidmatan tidak lama lagi. Ada kemungkinan perkhidmatan ini akan diadakan di bandar-bandar lain dalam seluruh Malaysia Barat jika sekiranya didapati perlu.
- (b) Setakat ini belum ada cadangan atau rancangan bagi mengadakan perkhidmatan bas-mini di Sabah atau Sarawak. Perkhidmatan bas-mini ini mungkin akan diperluaskan ke bandar-bandar di Sabah dan Sarawak sekiranya masalah-masalah timbul seperti yang ada di Wilayah Persekutuan sekarang ini.

SEKIM SETOK PENIMBAL GETAH ANTARABANGSA

27. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (i) nama Kumpulan Kewangan Eropah dan Kerajaan Eropah Barat yang menawar untuk membiayai sekim setok Penimbal Getah Antarabangsa dan jumlah wang yang terlibat;
- (ii) cara setok penimbal itu dijalankan;
- (iii) harga-harga paling rendah dan paling tinggi bagi getah di bawah Sekim Setok Penimbal Getah yang dicadangkan itu; dan
- (iv) besarnya bahagian tanggungan Malaysia dalam Sekim tersebut.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam):

- (i) Pada masa sekarang keadaan tidak mengizinkan untuk pengumuman nama Kumpulan Kewangan Eropah ataupun Kerajaan Eropah yang sedia untuk membiayai Sekim Setok Penimbal Getah Antarabangsa itu kerana perkara ini adalah di dalam peringkat perbincangan dasar Negeri-negeri Ahli A.N.R.P.C. Sungguhpun begitu memadailah saya memaklumkan bahawa bukan sahaja Kumpulan Wang Eropah dan Negara-negara Eropah Barat menawarkan untuk membiayai Sekim Setok Penimbal Getah Antarabangsa, malah Badan-badan Antarabangsa lainnya sedang mempertimbangkan bagi membiayai Sekim Setok Penimbal Getah Antarabangsa itu. Yang saya maksudkan di sini ialah Badan-badan Antarabangsa seperti Bank Dunia, Tabung Wang Antarabangsa (I.M.F.) dan Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD). Di samping itu Bank swasta juga telah menulis surat ke Kementerian saya menawarkan perkhidmatan mereka untuk Setok Penimbal tersebut dan ingin membincangkan perkara tersebut dengan lebih mendalam.
- (ii) Belum tiba masanya untuk saya mengumumkan cara Setok Penimbal itu akan dijalankan. Memadailah saya menyatakan di sini bahawa operasi-operasi Setok Penimbal itu akan mengikut harga pasaran bagi sesuatu masa. Tujuan utama setok penimbal tersebut ialah bagi mempengaruhi harga supaya ianya berada diparas yang dikehendaki. Jika harga adalah rendah dari paras yang ditetapkan, maka pembelian akan dilakukan untuk simpanan. Sebaliknya jika harga terlalu tinggi dari yang dikehendaki maka setok yang ada akan dijual.
- (iii) Operasi Setok Penimbal ini adalah di dalam lengkongan harga-harga paling rendah (floor price) dan paling tinggi (ceiling price) dan harga-harga ini masih di dalam pertimbangan Negara-negara Ahli A.N.R.P.C.

- (iv) Begitulah juga halnya dengan besarnya bahagian tanggungan Malaysia dalam skim tersebut, tidaklah dapat saya umumkan pada masa ini. Walau bagaimanapun, memandangkan Malaysia adalah negara yang terbanyak sekali mengeluarkan getah asli kalau dibandingkan dengan negara-negara lainnya, maka sudah tentulah tanggungan Malaysia dalam Skim tersebut juga besar kadarnya.

RISDA—BAYARAN SUBSIDI

28. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada terdapat masaalah tidak teratur dalam pembayaran subsidi daripada kumpulanwang getah tanaman semula yang ditadbirkan oleh pihak Berkuasa Kemajuan Perusahaan Pekebun-pekebun Kecil Getah (RISDA), dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah amalan salah ini dan pengurusan yang tidak bertanggungjawab di dalam RISDA.

Datuk Musa Hitam: Saya telahpun menjawab soalan ini semasa menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kepong, pada 8hb Julai lalu.

KAD PENGENALAN BAGI WARGANEGARA

29. Tuan Luhut Wan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah rancangan-rancangan yang telah dibuat untuk memudahkan warganegara Malaysia mendapatkan kad-kad pengenalan terutama sekali rakyat yang di kawasan-kawasan luarbandar di Sarawak.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Pejabat-pejabat Wakil Pendaftaran telahpun ditubuhkan di merata daerah di seluruh tanahair untuk memberi kemudahan kepada rakyat terutama sekali mereka yang tinggal di kawasan luarbandar bagi mendapatkan kad pengenalan. Demi kepentingan bagi mereka yang tinggal di kawasan-kawasan pendalaman juga, kakitangan-kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara adalah sentiasa membuat lawatan untuk tujuan tersebut.

PENGUASA TEMPATAN— MEMILIH AHLI

30. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar bahawa semua ahli-ahli Majlis Tempatan yang dilantik dalam masa pilihanraya tahun 1972 dahulu telah dilantik semula sekarang; dan jika ya, berikan bilangan mereka dan juga bilangan ahli-ahli baru dengan menyatakan parti komponen masing-masing terutama sekali di negeri Perak.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sepanjang pengetahuan saya tidak adapun Pilihanraya yang telah diadakan untuk memilih ahli-ahli Penguasa-penguasa Tempatan dalam tahun 1972. Dengan demikian, jawapan kepada bahagian kedua soalan ini tidaklah timbul.

SYILING SINGAPURA DI MALAYSIA

31. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menyekat kemasukan begitu banyaknya duit syiling Singapura ke Malaysia, dan samada perkara ini telah dibincangkan dengan Kerajaan Singapura.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Saya sedar tentang adanya duit syiling Singapura di Malaysia, tetapi jumlahnya adalah sedikit sahaja dan penggunaannya banyak berlaku di negeri Johor. Ini adalah disebabkan oleh orang-orang Singapura yang datang membeli-belah di Johor dengan menggunakan duit kertas dan duit syiling Singapura. Rakyat Malaysia hendaklah menganggap bahawa duit kertas dan duit syiling Singapura itu adalah sebagai matawang negeri-negeri asing yang lain dan hendaklah menukarkan wang tersebut kepada matawang Malaysia di mana-mana bank atau pengurus wang (money changers) yang berlesen.

Oleh kerana perkara ini adalah satu masaalah yang kecil sahaja dan sering berlaku di kawasan-kawasan sempadan dan dengan itu saya fikir tidaklah perlu untuk mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Singapura berhubung dengan perkara tersebut.

LEMBAGA KRAFTANGAN MALAYSIA

32. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan samada Kementerian beliau mempunyai rancangan-rancangan untuk menggalakkan perusahaan-perusahaan "cottage" di Wilayah Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga; jika tidak, mengapa.

Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Lembaga Kraftangan Malaysia (L.K.M.) yang telah ditubuhkan adalah bertanggungjawab bagi menggalak dan memajukan perusahaan kecil (cottage) yang berbentuk Kraftangan di seluruh negara.

Antara rancangan-rancangan lembaga bagi menggalak dan memajukan perusahaan ini ialah mengadakan sebuah Pusat Pamiran/Jualan barang-barang Kraftangan dan sebuah Pusat Pemasaran Kraftangan guna menjual borong atau untuk diekspot di Kuala Lumpur.

PEMAJU PERUMAHAN

33. Tuan R. Rajasingam minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan tindakan yang telah diambil di bawah Akta Pemaju-pemaju Perumahan tahun 1966 terhadap segolongan pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab di negeri Pulau Pinang yang telah menipu pembeli-pembeli yang tidak bersalah dengan memindah-milik harta mereka kepada pemaju-pemaju lain dan yang telah dibawa ke pengetahuan Kementerian.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum): Sepanjang yang diketahui oleh Kementerian ini ada sebuah syarikat pemaju perumahan di Pulau Pinang yang telah menjual sebahagian daripada projek kemajuan perumahannya kepada pemaju lain tanpa mengambil langkah sewajarnya melindungi hak kepentingan penempah-penempah yang telahpun menempah rumah-rumah dalam projek tersebut. Akibat daripada aduan-aduan yang diterima dari pembeli-pembeli ini, dan selepas penyiasatan dilakukan, syarikat itu telah diberitahu secara bertulis oleh Pengawal Perumahan bahawa permohonanannya untuk membaharui lesen, tidak akan dipertimbangkan kecuali Pengawal

Perumahan diberi jaminan bahawa hak kepentingan penempah-penempah rumah itu diselesaikan dengan sepenuhnya terlebih dahulu. Kementerian saya sedang menunggu jawapan daripada syarikat itu sebelum tindakan selanjutnya diambil di bawah Akta (Mengawal & Melesen) Pemaju-pemaju Perumahan, 1966. Oleh kerana pertanyaan Yang Berhormat merujuk kepada segolongan pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab, dan ini memberi implikasi bahawa Yang Berhormat sedar akan ujudnya lebih daripada satu pemaju yang telah memindahkan harta-harta mereka kepada pemaju-pemaju lain, saya amat hargai jika Yang Berhormat dapat memberi keterangan-keterangan lanjut mengenai pemaju-pemaju ini supaya penyiasatan yang sewajarnya dapat dijalankan.

PENGANGGURAN DI SARAWAK

34. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) samada Kerajaan sedar tentang keadaan pengangguran di Sarawak;
- (b) bilangan penganggur-penganggur di akhir tahun-tahun 1973 dan 1974; dan
- (c) Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon):

- (a) Kerajaan sedar tentang keadaan pengangguran di Sarawak dan langkah-langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.
- (b) Mengikut perangkaan daripada aktiviti-aktiviti pendaftaran Perkhidmatan Pekerjaan di Sarawak jumlah pendaftar-pendaftar kerja pada akhir bulan Disember 1973 adalah 7,267 dan pada akhir bulan Disember, 1974 berjumlah 9,095. Perangkaan ini meliputi mereka yang menganggur dan juga mereka yang sedang bekerja tetapi mencari kerja lain.
- (c) Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk

mengatasi masalah pengangguran adalah seperti berikut:

- (1) Penubuhan ladang-ladang perindustrian yang mempunyai kemudahan-kemudahan "infrastructural" bagi memudahkan penubuhan industri-industri baru;
- (2) Penggalakan industri-industri "labour-intensive" melalui pembekalan bantuan cukai;
- (3) Sekim "locational incentive" bagi pembubaran industri-industri dari pemusatan perindustrian yang ujud di kawasan-kawasan bandar dan dengan yang demikian membawa kepada kadar yang lebih pantas dalam segi pembangunan di kawasan-kawasan pendalaman;
- (4) Rancangan Tanah akan terus merupakan cara yang penting untuk memperluaskan pekerjaan pertanian dan meninggikan pendapatan di luarbandar.

Sejauh mana Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ada berkaitan, tindakan telahpun diambil bagi memperkuat dan meluaskan Perkhidmatan Pekerjaan di Sarawak. Pejabat-pejabat Pekerjaan baru yang mempunyai Pegawai-pegawai Pekerjaan penuh-masa, telah ditubuhkan di Sarawak iaitu di Limbang, Simanggang dan Kapit bagi membantu pencari-pencari kerja untuk mendapatkan pekerjaan. Dengan penubuhan tiga Pejabat-pejabat baru ini, jumlah pejabat-pejabat pekerjaan di Sarawak pada masa sekarang adalah tujuh. Pada masa ini tempat-tempat telahpun disediakan di Institut Latihan Perindustrian di Semenanjung Malaysia bagi lepasan-lepasan Sekolah dari Sarawak. Kemudian latihan juga disediakan di sekolah-sekolah vokesyenal yang telah didirikan oleh Kementerian Pelajaran dan MARA. Universiti Pertanian sekarang sedang menubuhkan sebuah maktab universiti di Sarawak bagi menyerapkan lebih ramai lagi belia-belia terpelajar untuk latihan lanjutan dalam sains pertanian.

CUKAI PERKHIDMATAN

35. Tuan Wee Ho Soon minta Menteri Kewangan menyatakan samada:

- (a) beliau bercadang mengendurkan Akta Cukai Perkhidmatan ke atas hotel-hotel kecil, jika ia, bilakah peraturan

ini akan dilaksanakan di seluruh negara; dan

- (b) beliau sedar bahawa kelab malam/bar, walaupun menjalankan perniagaan dalam hotel yang sama tetapi dengan lesen yang lain dan lain tuannya dikenakan cukai perkhidmatan seperti hotel-hotel itu, jika ya, samada beliau bercadang tidak mengenakan cukai perkhidmatan terhadap kelab malam/bar seperti ini.

Datuk Hussein bin Datuk Onn:

- (a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat ingat, saya telah memberi pengakuan dalam mesyuarat Dewan ini yang lalu bahawa Perbendaharaan akan mengkaji beberapa rayuan-rayuan yang diterima daripada pengusaha-pengusaha hotel kecil dan juga cadangan-cadangan yang dibuat dalam Dewan ini oleh setengah-setengah Ahli Yang Berhormat bagi hotel-hotel kecil dikecualikan daripada cukai perkhidmatan. Permohonan-permohonan dan juga cadangan-cadangan ini telahpun dipertimbangkan dengan telitinya dan adalah diputuskan sekarang bahawa hotel-hotel yang mempunyai enam bilik ke bawah adalah dikecualikan secara perseorangan daripada cukai perkhidmatan. Perniagaan-perniagaan yang sama seperti rumah rehat, rumah peranginan dan kelab yang mempunyai enam bilik ke bawah adalah juga layak mendapat pengecualian ini. Bagi mendapatkan pengecualian ini pengusaha-pengusaha hotel dan juga perniagaan-perniagaan yang sama adalah dikehendaki mengemukakan permohonan-permohonan mereka kepada Bahagian Cukai, Perbendaharaan.
- (b) Berhubung dengan bahagian kedua kepada soalan ini, di bawah Jadual Kedua kepada Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan, 1975, seseorang yang menjalankan perniagaan bagi mengadakan hiburan dan minuman keras di dalam sesebuah hotel adalah dikehendaki mengena dan mengutip cukai perkhidmatan. Jika kelab-kelab malam atau tempat minuman keras terletak di dalam sebuah hotel atau di pekarangan yang sama dengan hotel, maka tempat perniagaan tersebut adalah dikehendaki mengena dan mengutip

cukai perkhidmatan. Oleh kerana kelab-kelab malam dan tempat minuman keras ini dilanggan oleh orang-orang yang mampu membayar perkhidmatan yang diberi itu, saya tidak nampak sebab-sebab yang baik mengapa kelab-kelab malam dan tempat minuman keras patut dikecualikan dari cukai perkhidmatan.

MINYAK KELAPA DI PASARAN ANTARABANGSA

36. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar betapa rendahnya mutu minyak kelapa kita kerana telah dicampur minyak kelapa sawit semasa diproses. Jika sedar, adakah beliau akan mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan ini untuk menjaga mutu dan keaslian minyak kelapa kita di pasaran antarabangsa.

Datuk Musa Hitam: Saya tidak sedar bahawa minyak kelapa dicampurkan dengan minyak kelapa sawit dan dijual sebagai minyak kelapa di pasaran antarabangsa. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat minyak kelapa sawit yang ditapis adalah lebih mahal daripada minyak kelapa dan oleh kerana itu tidaklah ekonomik bagi seseorang itu mencampur-adukkan kedua-dua minyak tersebut dan menjualnya sebagai minyak kelapa di pasaran antarabangsa.

PREMIUM LOT RUMAH DI KAMPUNG BARU

37. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan:

- (a) atas alasan-alasan apakah yang membolehkan premium lot rumah di kampung-kampung baru dinaikkan; dan
- (b) tempoh masa yang terlibat sebelum permohonan untuk hakmilik sementara atau lain-lain hakmilik kekal dapat dikeluarkan kerana pemohon-pemohon terpaksa menunggu dari lima hingga lima belas tahun.

Tuan Michael Chen Wing Sum:

- (a) Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa premium lot rumah

di kampung-kampung baru boleh dinaikkan oleh Pihak Berkuasa Tanah yang berkenaan atas alasan-alasan kenaikan harga (nilai) tanah.

- (b) undang-undang tidak menetapkan tempoh mengenai pengaluan surat hakmilik sementara atau hakmilik kekal selepas diselesaikan semua bayaran yang diperlukan menurut kelulusan permintaan.

Penyerahan hakmilik tanah bergantung dengan sepenuhnya di atas tiap-tiap negeri yang berkenaan, dan bagi negeri-negeri yang mengalami kekurangan kakitangan dan kerja yang banyak, proses tersebut sudah tentunya akan terlambat sedikit daripada negeri-negeri yang tidak mengalami masalah ini.

CUTI REHAT MINGGUAN—GAJI

38. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa setengah-setengah pekerja terpaksa bekerja pada hari-hari Ahad dan hari-hari kelepasan am tanpa gaji; dan
- (ii) samada beliau akan mengambil langkah-langkah yang keras terhadap majikan-majikan yang membuang pekerja-pekerja kerana membawa perkara ini kepada perhatian Kementerian Buruh ataupun peguam-peguam mereka.

Datuk Lee San Choon:

- (i) Pekerja-pekerja yang dikehendaki oleh majikannya bekerja pada hari cuti rehat mingguan ataupun pada 5 hari cuti dalam satu tahun yang dipilih daripada Cuti Am yang diwartakan, adalah dibayar gaji dua kali ganda. Peruntukan undang-undang pada amnya adalah dipatuhi.

Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat telah menerima aduan-aduan mengenai perkara ini, beliau bolehlah mengemukakananya terus kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat atau kepada Pejabat Buruh yang berhampiran untuk disiasat.

- (ii) Peruntukan-peruntukan di dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1957 yang berkuatkuasa pada hari ini adalah

cukup untuk melindungi pekerja-pekerja yang dibuang kerja tanpa sebarang alasan dan sebab-sebab yang adil. Kes-kes seperti ini juga boleh dilaporkan ke Kementerian saya untuk disiasat.

SEKIM SETOK PENIMBAL GETAH ANTARABANGSA

39. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) kemajuan yang dicapai dalam usaha Kerajaan menganjurkan penubuhan Sekim Setok Penimbal Getah Antarabangsa;
- (b) samada kawalan pengeluaran dalam negeri berjalan dengan lancar seperti yang dirancang;
- (c) samada Kerajaan menghadapi sebarang sabotaj dari mana-mana pihak;
- (d) samada semua rakyat, terutama pekebun-pekebun kecil getah, menikmati faedah rancangan ini sama rata antara kawasan-kawasan di seluruh Malaysia; dan
- (e) reaksi negara-negara pembeli utama getah asli terhadap rancangan penubuhan Setok Penimbal ini.

Datuk Musa Hitam:

- (a) Soalan ini telahpun saya jawab semasa menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap pada 8hb Julai, lalu.
- (b) Rancangan kilat atau Crash Programme masih berjalan dengan lancar seperti yang dirancang.
- (c) Setakat mana yang diketahui, Kerajaan belum menghadapi sebarang sabotaj dari mana-mana pihak.
- (d) Faedah utama yang menjadi matlamat pelaksanaan rancangan ini ialah untuk memberi harga yang lebih dan berpatutan kepada semua pihak yang terlibat, terutama sekali pekebun-pekebun kecil. Tidaklah dapat dinafikan bahawa harga getah telah meningkat naik daripada paras 97 sen sekilo RSS 1 pada bulan November, 1974 kepada paras lebih daripada \$1.30 sen sekarang.

(e) Berdasarkan lawatan-lawatan saya ke negara-negara Eropah baru-baru ini dan juga kepada lapuran-lapuran yang diterima serta perbincangan-perbincangan saya dengan wakil-wakil negara berkenaan, saya dapati negara-negara pengguna telah mula memahami rancangan kita bagi menubuhkan Sekim Setok Penimbal Getah. Memandangkan rancangan tersebut bukan sahaja untuk kepentingan negara-negara pengeluar getah asli, malah juga untuk munafaat negara-negara pengguna maka negara-negara tersebut adalah menyambut baik rancangan kita.

Pada masa yang sudah-sudah, negara-negara pengguna terutamanya tidak bersetuju dengan rancangan ini terutamanya dalam forum-foram antarabangsa apabila kita cuba untuk mendapat bantuan badan-badan antarabangsa. Kebanyakan daripada mereka telah mengubah sikap dan mula menunjukkan sokongan.

Di dalam Rancangan Setok Penimbal Getah Antarabangsa itu peruntukan juga dicadangkan bagi negara-negara pengguna menjadi ahli kehormat. Sayugia diingatkan juga bahawa negara-negara pengguna telah mengakui akan munafaat rancangan ini kerana ianya bukanlah untuk tujuan menaikkan harga, tetapi sebaliknya bertujuan untuk menstabilkan harga. Kita bukan bertujuan untuk mengadakan pertubuhan yang berbentuk "cartel".

ANGKATAN TENTERA— PEGAWAI BERTAULIAH

40. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan pegawai-pegawai yang bertauliah dalam angkatan tentera yang telah diberhentikan sejak tahun 1970 dan berikan sebab-sebab bagi pemberhentian mereka itu.

Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak): Jumlah pegawai-pegawai bertauliah dalam Angkatan Tentera yang telah berhenti berkhidmat sejak tahun 1970 sehingga 30hb Jun, 1975 ialah 326 orang semuanya. Sejumlah besar dari mereka telah diberhentikan dengan sebab-sebab biasa, seperti sampai umur bersara, tamat perkhidmatan sebagai

pegawai-pegawai Tauliah Jangka Pendek, menamatkan perkhidmatan secara sukarela dan gagal dalam kursus latihan.

Hanya 16 orang pegawai sahaja yang telah diberhentikan atas sebab-sebab melanggar tatatertib. Dari bilangan ini tiga orang telah diberhentikan kerana menyalah-gunakan wang Kerajaan, 12 kerana kelakuan buruk dan seorang kerana tidak cekap sebagai juru terbang.

PELARIAN KHMER/ VIETNAM SELATAN

41. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) pelarian Kemboja;
- (ii) pelarian Vietnam Selatan yang dibenarkan masuk ke Malaysia baru-baru ini dan samada Kerajaan ada apa-apa rancangan hendak menghantar balik pelarian-pelarian ini ke negeri mereka dan juga nyatakan samada Menteri-menteri atau Jeneral-jeneral dari kedua-dua negara ini yang mencari perlindungan politik di Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (i) Bilangan orang-orang pelarian yang telah dibenarkan masuk ke negeri ini ialah seperti berikut:

Khmer	...	...	1,969 orang
Vietnam Selatan	...	...	1,230 ..

Dari jumlah ini seramai 889 orang telahpun meninggalkan negeri ini. Memandang bahawa sebilangan besar dari mereka telah menyuarkan hasrat untuk pergi ke Amerika Syarikat dan Francis maka Kerajaan kita telah menghubungi kedutaan dan negara tersebut. Pihak Kerajaan itu sedang memproses permohonan mereka dan kita sedang menunggu keputusannya.

Tidak ada Menteri-menteri atau Jeneral-jeneral yang meminta perlindungan politik di negeri ini.

CUKAI PERKHIDMATAN— HOTEL KECIL

42. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan mengecualikan cukai perkhidmatan yang di-

kenakan ke atas pertubuhan-pertubuhan yang menyediakan makanan (catering establishment) seperti hotel-hotel kecil, restoran-restoran dan kedai-kedai kopi kerana ianya telah mendatangkan kesukaran dan dengan kerana itu sebilangan orang-orang yang menyediakan makanan (caterers) terpaksa menutup perniagaan mereka.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Berhubung dengan soalan mengenai hotel-hotel kecil, saya sudahpun memberi jawapan tadi kepada satu soalan yang sama yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Sibu di mana saya menyatakan bahawa hotel-hotel yang mempunyai enam bilik ke bawah akan dikecualikan daripada cukai perkhidmatan dengan membuat permohonan kepada Perbendaharaan. Oleh yang demikian restoran-restoran di dalam hotel-hotel kecil seperti itu tidak akan dikehendaki mengena dan mengutip cukai perkhidmatan.

Mengenai kedai-kedai kopi pula, suka saya menerangkan bahawa kedai-kedai itu telahpun dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.

SEKOLAH ANTARABANGSA— PELAJARAN

43. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa anak-anak tempatan tidak dibenarkan belajar di sekolah-sekolah antarabangsa (inter-national schools) pada hal anak menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan menikmati pelajaran yang serupa di negara United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Sekolah-sekolah antarabangsa di negara ini ditubuhkan adalah semata-mata untuk anak-anak pegawai-pegawai asing yang berkhidmat di Malaysia bagi mendapatkan pelajaran mereka. Sekolah-sekolah ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan diwaktu berdaftar. Sekolah-sekolah di negara asing tidak didaftar di bawah kuasa Kementerian. Oleh sebab itu syarat-syarat yang dikenakan kepada sekolah antarabangsa dalam negeri tidak dapat dikenakan kepada sekolah-sekolah luar negeri.

Syarat-syarat ini diadakan supaya semua kanak-kanak sekolah belajar dalam sekolah yang menerima dasar Pelajaran Malaysia. Jika sekolah swasta yang menjalankan sistem

negara asing dapat menerima warganegara Malaysia sebagai murid, kemungkinan ujud beberapa dasar pelajaran di Malaysia tidak boleh dielak dengan mudah.

KILANG KELAPA SAWIT DI CHA'AH JOHOR

44. Tuan Loh Fook Yen minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar, bahawa ada sebuah kilang kelapa sawit di Cha'ah Johor, mengeluarkan asap tebal yang mengotorkan alam sekitar di kawasan itu, jika ya, apakah tindakan wajar beliau akan ambil untuk menjaga kesihatan penduduk-penduduk di sana khasnya kawasan Cha'ah.

Tan Sri Ong Kee Hui: Saya sedar tentang masalaah pelepasan asap-asap oleh kilang kelapa sawit sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Malahan terdapat beberapa buah kilang kelapa sawit di merata tempat di negara ini yang mendatangkan masalaah pencemaran, bukan asap-asap yang tebal dari segi pelepasan asap-asap tebal melalui cerobong-cerobong kilang itu sahaja, tetapi yang lebih buruk lagi ialah pelepasan buangan-buangan lebihan yang disalur melalui parit-parit dan anak-anak sungai.

Memandangkan kepada masalaah-masalaah tersebut itulah, maka Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pakar untuk menetapkan standad-standad pelepasan dan juga membuat perakuan-perakuan ke atas kaedah-kaedah kawalan pencemaran ke atas kilang-kilang kelapa sawit. Adalah diharapkan hasil daripada kajian ini, dapatlah Bahagian Alam Sekitar mengadakan program kawalan ke atas masalaah ini. Program yang akan dijalankan ini akan meliputi langkah-langkah pencegahan dan pemulihan.

BUMIPUTRA DI BAWAH DASAR EKONOMI BARU

45. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan kilang-kilang perusahaan yang menikmati taraf perintis yang telah ditarik balik atau dibatalkan lesen-lesen mereka kerana gagal mematuhi Dasar Ekonomi Baru yang menjamin penyertaan yang adil Bumiputra dalam lapangan perusahaan seperti dalam pemilikan, pengurusan dan perburuhan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Sehingga hari ini tidak ada kilang-kilang perusahaan taraf perintis yang telah ditarik balik atau dibatalkan lesen-lesen mereka oleh kerana gagal mematuhi Dasar Ekonomi Baru. Walau bagaimanapun 11 buah kilang perusahaan taraf perintis telah ditangguhkan pengeluaran sijil perintis mereka oleh kerana syarikat-syarikat ini telah tidak mematuhi Dasar Ekonomi Baru dengan sepenuhnya. Sijil perintis tersebut hanya akan dikeluarkan apabila syarikat-syarikat yang berkenaan telah memperbetulkan kedudukan yang tidak seimbang itu. Dalam pada itu terdapat juga sebanyak 8 buah syarikat taraf perintis yang telah ditangguhkan permohonan mereka untuk mendapatkan lanjutan tempoh pengecualian cukai disebabkan oleh perkara yang sama.

UNIVERSITI ISLAM

46. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak menubuhkan sebuah Universiti Islam atau Universiti College Islam dalam negeri ini; jika ya, bila dan di mana tempat rancangan tersebut.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tidak. Kerajaan tidak bercadang hendak menubuhkan sebuah Universiti Islam atau Universiti Kolej Islam buat pada masa ini.

MENGHAPUSKAN PENGANASAN DAN PENCULIKAN

47. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan gerakan penganasan dan penculikan akhir-akhir ini menjadi-mengjadi apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan berulangnya kes-kes ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kerajaan sedar mengenai bertambahnya gerakan penganasan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan telah mengambil tindakan yang tegas bagi mengurangkan kejadian itu. Dalam usaha menghapuskan penganasan Kerajaan telah melebihi gerakan-gerakan terhadap penganas-penganas, menangkap dan menahan penyokong-penyokong mereka serta mendapatkan sokongan dan kerjasama daripada orang ramai. Di tempat-tempat tertentu

Kerajaan juga mengadakan pendaftaran penduduk dan kawalan ke atas makanan. Dalam gerakan-gerakan yang dilancarkan oleh Pasukan Keselamatan dari tahun 1972 hingga ke hari ini seramai 219 orang kominis telah terbunuh. Kejayaan gerakan-gerakan ini telah mendorongkan sejumlah 585 orang anggota kominis di Sarawak untuk menamatkan kegiatan mereka dan kembali hidup dalam masyarakat biasa di bawah rancangan Sri Aman.

Dalam usaha mengawal kejadian jenayah pihak Polis sentiasa mengawasi anasir-anasir jahat. Yunit-yunit khas telah ditubuhkan di bandar-bandar besar sebagai satu usaha untuk membantras kejadian jenayah. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 1974 terdapat 5 kes penculikan yang berlaku di negara ini. Tiga daripadanya telah dapat dikesan untuk dibicarakan di mahkamah.

KUARI DI BATU CAVES

48. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau berpuashati dengan langkah-langkah yang diambil oleh kuari-kuari di Batu Caves untuk mengawasi debu, dan jika tidak, samada beliau akan mengambil langkah-langkah untuk memberhentikan kerja-kerja di kuari-kuari ini.

Tan Sri Ong Kee Hui: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Bahagian Alam Sekitar di Kementerian ini telah mengendalikan mesyuarat-mesyuarat dengan pengusaha-pengusaha kilang-kilang kuari pada awal tahun ini, dalam mana kita telah meminta mereka mengemukakan rancangan mereka untuk mengawal pencemaran debu di kawasan tersebut. Sehingga ini mereka belum lagi mengemukakan rancangan itu dan kita sendiri tidak berpuashati dengan keadaan ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kesusahan yang dialami oleh orang ramai akibat daripada pencemaran debu ini. Sebagaimana yang diketahui Bahagian Alam Sekitar baru sahaja ditubuhkan dan tenaga "expertise" serta "resources" sedang diperkembangkan, maka adalah tidak mungkin untuk mengambil langkah-langkah pemulihan pada masa ini. Sungguhpun demikian Kementerian saya akan meng-

hubungi Kerajaan Negeri untuk mengadakan langkah-langkah sementara bagi mengatasi keadaan ini.

PELARIAN DAPAT PERLINDUNGAN

49. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyata:

- (a) sehingga 30hb Jun, berapa orang pelarian telah dapat perlindungan di Malaysia;
- (b) apakah pertolongan yang telah diberi oleh Kerajaan; dan
- (c) apakah tindakan yang telah diambil supaya mereka meninggalkan tanahair kita.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Sehingga 30-6-1975 jumlah orang-orang pelarian yang ada di Malaysia ialah 1,855 orang.
- (b) Atas dasar peri kemanusiaan mereka diberi bantuan makanan, perubatan dan khemah untuk berteduh dan bagi mereka yang hendak meneruskan perjalanan diberi bekalan yang memadai.
- (c) Memandangkan bahawa mereka telah menyatakan hasrat untuk pergi ke Amerika Syarikat dan Francis Kerajaan kita telah menghubungi Kedutaan negara-negara tersebut. Pihak Kerajaan-kerjaan itu sedang memproses permohonan mereka dan kita sedang menunggu keputusannya.

KAPAL M. V. LOGOS

50. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Perhubungan menyata:

- (a) tujuan kapal M. V. Logos/M. Wai Logos berkunjung ke Malaysia dan singgah di Pelabuhan Kelang awal April tahun ini;
- (b) sebabnya seorang pegawai Kerajaan kita merasmikan pembukaannya sedangkan ianya satu dari alat sbaran Kristian Sedunia yang pernah dilarang masuk di setengah-setengah pelabuhan Timur Tengah; dan

- (c) samada Kerajaan sedar tentang perkara ini.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):

- (a) Kapal M. V. Logos ini ialah sebuah kapal yang membawa buku-buku pelajaran yang telah membuat lawatan-lawatan ke merata pelabuhan di dunia ini untuk mengadakan pameran buku-buku yang berunsur pelajaran. Kapal ini telah singgah di Pelabuhan Kelang dalam bulan April tahun ini setelah mendapat kebenaran pihak Kerajaan Malaysia dengan tujuan mengadakan pameran buku-buku untuk memberi peluang kepada orang-orang tempatan melihat sambil membeli buku-buku tersebut dengan harga yang lebih murah dari yang dijual di kedai-kedai tempatan. Buku-buku yang telah dipamerkan pada keseluruhannya ialah buku-buku pelajaran yang berunsur kesusasteraan, sains dan ugama yang didapati tidak akan mendatangkan keburukan atau berprasangka terhadap keselamatan, ketenteraman awam dan akhlak.
- (b) Memandangkan yang lawatan kapal tersebut ke Pelabuhan Kelang adalah dengan kebenaran dari pihak Kerajaan, Pegawai Daerah Kelang telah merasmikan upacara pembukaan pameran itu yang diadakan di atas kapal, kerana pameran ini diadakan untuk sebab-sebab pelajaran. Di samping itu penglibatan beliau secara rasmi adalah bertujuan untuk meninggikan lagi imej Malaysia di peringkat antarabangsa kerana kelasi-kelasi kapal tersebut terdiri daripada berbagai kaum dari 25 buah negara dan kapal itu pula telah singgah di lebih daripada 93 buah negeri di dunia ini termasuk negara-negara Islam seperti Indonesia dan Pakistan.
- (c) Seperti yang telah saya jelaskan, kapal tersebut telah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Kerajaan Malaysia sebelum berlabuh di Pelabuhan Kelang.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menyusun semula dan menyatukan undang-undang berhubung dengan kerajaan tempatan; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG PERANCANG BANDAR DAN DESA

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengawal dan mengatur dengan sewajarnya perancangan bandar dan desa dalam kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan dalam Negeri-negeri Tanah Melayu dan bagi maksud-maksud yang berkenaan dan bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG BENDAPURBA

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengawal, memelihara dan menyelidik monumen-monumen lama dan bersejarah, bidanpurba dan benda-benda bersejarah dan pengeksportannya dan bagi perkara-perkara yang berkenaan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga
Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (14hb Julai, 1975).

Perbahasan disambung semula.

3.41 ptg.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu suka-lah saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong pindaan yang dicadangkan itu, meskipun nampaknya ada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang berasa sedikit khuatir terhadap perlaksanaannya. Umpamanya, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Setapak, Batang Padang dan Permatang Pauh telah menyuarakan pendapat bahawa dengan meluaskannya bidangkuasa Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen sebagaimana yang dicadangkan itu. Kerajaan hendaklah memberi gaji yang lebih supaya ianya setimpal dengan kuasa-kuasa tambahan itu. Perkara ini akan mendapat perhatian daripada Kerajaan dan mengikut amalan biasa walaupun gaji mereka itu tidak dinaikkan, pertimbangan yang sewajarnya akan diberi untuk menaikkan taraf atau grade (up grade) jawatan yang dipegang oleh pegawai-pegawai yang berkenaan itu.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Setapak, suka juga saya menyatakan bahawa pada masa ini ada sebilangan pegawai-pegawai yang mempunyai cukup pengalaman dan kelayakan untuk membicarakan kes-kes yang membawa hukuman penjara seumur hidup.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat dan Kangar nampaknya merasa ragu-ragu samada mahkamah akan menjatuhkan hukuman yang berat di bawah pindaan yang dicadangkan itu supaya setimpal dengan jenayah yang mereka lakukan seperti merompak dan lain-lain dengan menggunakan senjata. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Perlembagaan negara kita tidaklah boleh saya sebagai Menteri Undang-undang dan Peguam Negara ataupun Ketua Hakim Negara atau sesiapa juapun memberi apa-apa arahan kepada pengadil-pengadil Mahkamah Rendah (Sessions Court) tentang bagaimana hendak mengambil keputusan dalam kes-kes yang dibicarakan oleh mereka ataupun hukuman-hukuman yang hendak mereka jatuhkan. Ini terpulanglah kepada mereka sendiri dan mereka adalah bebas untuk berbuat demikian mengikut budibicara dan pendapat mereka sendiri setelah mendengar keterangan-keterangan daripada pegawai

pendakwa atas kesalahan-kesalahan mereka itu. Sekiranya mana-mana pihak tidak puas hati dengan sesuatu hukuman yang diberi, maka ada cara-cara mengikut undang-undang yang tertentu untuk membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi oleh Pendakwa Raya dengan memberi hujjah-hujjah di mahkamah yang berkenaan supaya hukuman lebih berat boleh dikenakan oleh Mahkamah Tinggi. Tidak ada cara lain yang boleh dijalankan di luar mahkamah untuk mengubah sesuatu hukuman yang diberi oleh mahkamah dan tidak ada siapa pun boleh mempengaruhi Pengadil (President Sessions Court) di luar bilik mahkamah. Cuma kita mengingatkan mereka itu iaitu hendaklah kita memandang keadaan yang berlaku di sekeliling mereka dan negara dan apakala menjatuhkan hukuman-hukuman itu, saya percaya Pengadil-pengadil (Presidents Sessions Court) hendaklah memikirkan faedah negara dan juga kehendak orang awam.

Selain daripada itu, tindakan yang telah kita ambil ialah kita pinda setengah-setengah undang-undang yang mana kita tentukan hukumannya, misalnya, ada hukuman yang kita telah lulus di mahkamah ini dipenjarakan tidak kurang dari lima tahun dan tidak kurang enam kali sebat dengan rotan, sehingga 14 tahun. Itu bermaknalah walau siapa yang membicarakan kes itu mestilah dihukum sekurang-kurangnya lima tahun dan tidak boleh kurang daripada itu. Dan ada lagi seksyen-seksyen dalam undang-undang membicarakan hukuman senjata, iaitu boleh dihukum seumur hidup dan disebat dengan rotan enam kali atau hukuman mati. Apakala hukuman itu diluluskan oleh Parlimen maka tiap-tiap Pengadil atau Hakim tidaklah boleh menggunakan budibicaranya lagi melainkan dengan menggunakan hukuman-hukuman yang ditetapkan oleh undang-undang yang telah diluluskan oleh mahkamah. Tetapi mustahil bagi kita Parlimen ini mengubah semua undang-undang supaya Majistret-majistret dalam Mahkamah Sesyen itu tidak dapat menggunakan lagi budibicara mereka itu. Inilah satu pindaan yang kita telah ambil dan sekiranya tidak memuaskan kita akan pinda undang-undang pada masa akan datang.

Mengenai soal backlog mahkamah-mahkamah, perkara ini telahpun ditimbulkan dalam Dewan beberapa kali oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana

saya sendiri dan Yang Berhormat Menteri-menteri yang lain pernah memberi jawapan bersabit dengan hal ini. Oleh itu, saya rasa tidaklah perlu saya mengulangi apa yang telahpun diterangkan oleh pihak-pihak Kerajaan tentang perkara ini. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, adalah ditegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan memang sedar ada banyak lagi kes-kes yang belum diselesaikan, tetapi keadaan ini telah timbul kerana beberapa sebab seperti saksi-saksi yang tidak dapat hadir di mahkamah, kekurangan Jurubahasa-jurubahasa dan Peguam sendiri kadang-kala meminta tangguh (postpone) kerana urusan di mahkamah-mahkamah lain atau lain-lain hal. Dalam kes-kes sivil pula mahkamah tidaklah boleh memaksa Peguam-peguam mempercepatkan kes-kes mereka. Dan selain daripada itu, perlu diingatkan bahawa bebankerja (workload) di mahkamah-mahkamah semakin bertambah kerana banyaknya undang-undang baru yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.

Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan mengawasi hal ini dengan rapi dan telahpun mengambil tindakan yang tegas untuk mengurangkan (backlog) itu. Pada tahun lepas sahaja enam orang Hakim baru telah dilantik, dan Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin telah membaca akhbar-akhbar baru-baru ini mengenai pengumuman bahawa seorang Hakim Mahkamah Tinggi akan dilantik mulai 1hb September, 1975. Seorang lagi Hakim mungkin dilantik juga tidak lama lagi kemudian daripada tarikh tersebut. Selain daripada itu, masalah kekurangan majistret-majistret sekarang ini sudah hampir diatasi dengan pengambilan 17 orang pegawai-pegawai yang mempunyai Ijazah Am (B.A.) dan mereka telahpun mula berkhidmat sebagai majistret pada awal bulan ini. Hasil daripada usaha-usaha Jabatan Kehakiman angka kekosongan dalam jawatan majistret sebanyak 10 kekosongan pada akhir tahun 1974 telah juga dikurangkan menjadi tiga sahaja dan cara-cara yang lain untuk mengurangkan backlog sedang dikaji oleh Kerajaan.

Berkenaan teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan kekurangan Jurubahasa-jurubahasa, saya sedar atas masaalah ini, kerana saya diberitahu iaitu masa ini sahaja ada 23 jawatan Juru-bahasa yang kosong oleh kerana mereka ini

dalam setahun dua yang lepas telah meletakkan jawatan disebabkan tidak puas hati dengan tanggagaji yang diterima dan juga elaun-elaun bahasa yang diberi kepada mereka itu. Masaalah ini akan dapat kita atasi dengan adanya tanggagaji baru kelak yang sedang dikaji oleh Suruhanjaya yang baru dilantik yang diketuai oleh Tan Sri Ibrahim Ali dan saya akan membawa perkara ini kepada pihak kerajaan untuk membaiki sekim-sekim Jurubahasa ini. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita kekurangan Jurubahasa khas dalam bahasa Tamil atau bahasa China mustahil kita boleh dapat lekaskan perbicaraan-perbicaraan di Mahkamah. Kita sedar iaitu negeri kita telah merdeka hampir 20 tahun tetapi masih lagi banyak rakyat kita yang belum lagi mahir dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun mustahak kita mengadakan Jurubahasa pada mereka itu demi kepentingan keadilan, kerana mustahil dapat dibicarakan mereka itu kalau mereka itu yang dituduh atau saksi tidak tahu samada bahasa Inggeris atau Bahasa Kebangsaan.

Berhubung dengan pendapat yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Rantau Panjang supaya hukuman kisas dan hukuman pancung kepala atau potong tangan dijatuhkan ke atas penjenayah-penjenayah yang didapati bersalah atas tuduhan-tuduhan jenayah seperti merompak, bunuh dan berzina. Cadangan itu sememang baik dari segi publicity, tetapi dukacita saya memaklumkan bahawa pada masa ini tidak ada lagi rancangan untuk melaksanakannya. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap satu hukuman itu satu daripada tujuannya hendaklah ditakuti oleh orang ramai. Mereka akan takut apabila memandang mereka itu kena hukuman yang telah dijalankan ke atas mereka itu, sebagai mana dilakukan pada masa Jepun dahulu, dan masa sekarang di setengah-setengah negeri supaya mereka sedar dan negeri melihat hukuman yang dijatuhkan. Kalau dalam kes seseorang itu membawa senjata yang digunakan masa merompak dan mereka telah dijatuhkan hukum bunuh atau hukum gantung oleh Mahkamah, rakyat jelata tahu mereka itu tetap digantung di dalam penjara cuma mereka tidak nampak. Saya fikir tindakan yang saya boleh ambil bagi pihak Kerajaan pada masa ini ialah apakala ada kes-kes seperti itu dan mereka itu digantung

di Mahkamah kerana membuat satu-satu kesalahan, masa ini selalu berlaku, entah sebulan sekali saya tidak tahulah.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kita akan sebarkan perkhabaran itu di dalam akhbar-akhbar dan lain-lain dihebahkan supaya mereka dapat tahu yang mereka itu telahpun, misalnya, semalam digantung di Pudu Jail, Kuala Lumpur. Kita harap dengan itu saya fikir mereka itu ngeri mendengar hukuman itu. Saya percaya cadangan itu sememang baik. Misalnya, semasa saya berada di Nigeria sesiapa yang didapati bersalah di dalam hukuman rompak yang menggunakan kekerasan atau senjata atau membawa dadah yang banyak—tetapi bukanlah kes membunuh orang—hukumannya ialah ditembak di hadapan halayak ramai. Sebelum ditembak diberi tahu dengan digendang lebih dahulu maka 20,000-30,000 berkumpul sebagai satu keramaian pula seperti berpiknik, kemudian dimasukkan Talivisyen baru ditembak dan diarak pula menunjukkan badan itu di hadapan orang ramai.

Apabila saya bertanya pada Menteri Undang-undang di sana, katanya, jenayah betul kurang 75%. Tetapi Kerajaan belum lagi mencadangkan membawakan hukuman itu seperti yang dilakukan di sana di halayak ramai di negeri kita pada masa ini, walaupun cadangan Yang Berhormat itu sangat baik, saya fikir.

Ahli Yang Berhormat dari Kinta telah menyatakan keraguannya terhadap perlaksanaan kuasa-kuasa yang akan diberi kepada Mahkamah-mahkamah Sesyen di bawah pindaan yang dicadangkan itu dan meminta supaya seorang Peguambela diberi untuk seorang yang dituduh di bawah pindaan yang berkenaan. Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, seorang yang dibicarakan atas tuduhan membunuh atau tuduhan-tuduhan yang membawa hukuman gantung bolehlah diberi oleh Kerajaan peguambela, dan buat masa ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk memberi kemudahan peguambela kepada mereka yang merompak atau membuat kesalahan lain yang dihukumkan jel se umur hidup. Tetapi saya suka menyatakan di sini, walaupun mereka ini yang dibicarakan dan mereka itu dengan sebab miskin tiada peguambela atau lawyer untuk membela mereka itu, biasanya sememang sudah diberi arahan kepada majistret dan President

Sessions Court mengawasi dalam perbicaraan itu seberapa yang boleh dan membuat soalan-soalan pada saksi-saksi, seolah-olah dia juga seperti Peguambela. Dengan cara ini kita seberapa yang boleh menjalankan keadilan dan keputusan yang adil.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sedikit sebanyak yang dapat saya jawabkan atas teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya pandang sangat berguna dan sangat membina dan saya ucapkan berbanyak terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2—

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan satu pindaan dalam peringkat Jawatankuasa ini sebagaimana yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

Fasal

Pindaan

- 2 Gantikan perkataan-perkataan “and sections 4 and 5 of the Firearms (Increased Penalties) Act, 1971.” the following—
 “30/52. section 39B of the Dangerous Act 37 Drug Ordinance, 1952, and section 4 and 5 of the Firearms (Increased Penalties) Act, 1971.”

Clause

Amendment

- 2 Substitute for the words “and sections 4 and 5 of the Firearms (Increased Penalties) Act, 1971.” the following—
 “30/52. section 39B of the Dangerous Act 37 Drug Ordinance, 1962, and section 4 and 5 of the Firearms (Increased Penalties) Act, 1971.”

Pindaan ini, Tuan Pengerusi, ialah untuk mengadakan seksyen 39B Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 yang telah ditinggalkan dengan tidak sengaja pada masa menggubal Undang-undang itu dan apabila saya semak dengan teliti lagi sekali saya dapati perkara ini tertinggal dan saya mohon maaf dan membawa pindaan ini sekarang.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 2 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SENJATA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.00 *ptg.*

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Senjata (Pindaan) dibaca bagi kali yang kedua.

Adapun tujuan dan maksud Rang Undang-undang Pindaan ini adalah sama sahaja seperti Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) yang telah saya bantangkan terdahulu daripada ini. Antara lain memberi kepada Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen yang telah diberi oleh Yang di-Pertuan Agong bidangkuasa khas di bawah Seksyen 63 (3) Akta Mahkamah Rendah, 1948 kuasa untuk mengenakan penalti atau hukuman penuh lain daripada hukuman mati yang diperuntukkan di bawah Akta Senjata, 1960.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.01 *ptg.*

Tuan Chin Hon Ngian (Rengam): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang yang dikemukakan sebentar tadi dan saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) This Bill, Sir, and other relevant Bills, like Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan), which has just been passed by this august House, and Rang Undang-undang Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan), which will be debated later on, are complementary measures introduced to combat an evil in our society which evil is now threatening the peace, security and public order in our beloved country. But this social evil, I mean the rampant use of fire-arms by anti-national and anti-social elements in the execution of their criminal acts, that is in murder, robbery, assault and sometimes even in rape. These treacherous and criminal elements do not hesitate to use their fire-arms against innocent and peace-loving people and, as such, the Government is under a duty to protect the innocent and peace-loving members of the society and to guarantee the safety of the nation from terrorists and those violence-inclined evil parasites. These are grave and urgent national and social problems and the taking of swift action by the Government to bring about these amendments is again proof that the Government always has the interest of the nation and the majority of the people at heart and will not hesitate to adopt stern laws containing the maximum penalties to effectively bring to justice the traitors and those with a propensity for terrorism and crimes in order to protect lives, liberty and property.

4.04 *ptg.*

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin di sana sini untuk menyulami dengan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya di hadapan Dewan ini ada suatu Akta yang telah diluluskan dan ada tiga lagi Rang Undang-undang yang berkaitan iaitu satu Akta yang baru telah kita luluskan dan tiga lagi yang akan dibincang berkenaan dengan Rang Undang-undang No. 32, 38 dan 40. Akta itu dan ketiga-tiga Bil yang saya nyatakan tadi adalah mempunyai kaitan di antara satu dengan lain. Satu daripada yang common kepada keempat-empat Rang Undang-undang tersebut ialah kuasa Mahkamah Tinggi telah diperturunkan supaya kes-kes yang berkenaan dapat didengar dan diteruskan oleh Mahkamah Sesyen.

Satu daripada argument yang telah diutarakan untuk dibuatkan demikian ialah kerana dikatakan sekiranya ada trial by jury mungkin dan kemungkinannya ada bahawa ahli-ahli Juri tidak mahu menjatuhkan satu keputusan on a question of fact supaya di dapati salah orang yang dituduh di Mahkamah. Saya tidak tahu samada argument ini benar atau tidak, tetapi tidak syak lagi bahawa trial by jury ialah suatu teras demokrasi di dalam sesebuah negara. Trial by jury, mempunyai akar umbi yang begitu panjang yang terhormat di dalam sejarah judiciary dan negara kita masih ada lagi trial by jury sekurang-kurangnya apabila menghadapi kesalahan yang boleh mendatangkan hukuman capital punishment. Lebih-lebih lagi di setengah-setengah negeri di Semenanjung Malaysia terutamanya di Pulau Pinang, umpamanya, apa juga kes yang dihadapkan ke Mahkamah Tinggi adalah trial by jury. Saya suka menyokong trial by jury ini kerana ada arguments yang boleh dikemukakan untuk dijalankan trial by jury ini. Sungguhpun saya faham dan saya sedar bahawa trial by jury ini ada kelemahannya iaitu panjang, lebar dan sebagainya, tetapi pada saya tidak syak lagi bahawa trial by jury mempunyai kelebihan-kelebihan daripada sesuatu trial tanpa juri. Oleh kerana sebagai seorang manusia yang biasa, tentu kita adalah terdedah kepada kesalahan-kesalahan yang memang sentiasa ada pada mana-mana manusia juga dan atas nama keadilan, mungkin sekiranya kita beri sesuatu perbicaraan itu kita hanya berikan pada seorang hakim Mahkamah tanpa jurors mungkin berlaku sesuatu kesalahan. Kalau berlaku kesalahan hukuman yang terpaksa dijalankan kepada yang menerima hukuman itu amatlah berat dan bagi mengelakkan berlakunya kesalahan human factor, maka itulah wujudnya trial by jury kerana di situ ramai ahli-ahli jurors dan kemungkinan besar bahawa tidak akan semua yang boleh membuat kesalahan, kerana sesuatu juri itu ramai ahli-ahli. Lembaga juri itu dan kemungkinan kesemua ahli-ahli itu membuat kesalahan, mungkin tidak berbangkit dengan cara demikian on a question of fact di atas masalah tersebut, dengan adanya trial by jury perkara-perkara kesalahan yang boleh dilakukan oleh seseorang manusia biasa dapat dielakkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Hujah-hujah Ahli Yang Berhormat ini sepatutnya semasa membincangkan Rang Undang-undang yang baru diluluskan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Ini pun ada kaitannya, kerana undang-undang ini menurunkan kuasa dari segi hukuman Senjatapi (Penalti Lebih Berat) kepada Sessions Court.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kaitannya memang ada, sebab itu saya benarkan hujah yang begitu panjang tadi. Tetapi sebenarnya lebih tepat bila hendak diberi kuasa kepada Yang di-Pertua Mahkamah Rendah. Sekarang kuasa telah diberi dengan Rang Undang-undang yang baru kita luluskan tadi.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Saya mengakui itu, Tuan Yang di-Pertua, tetapi oleh kerana ketiga-tiga Bil tadi ada kait-mengaitnya, payah kita hendak pisahkan di antara satu dengan lain.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh sambung dan teruskan, tetapi tidak payah disebutkan juri lagi.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Terima kasih. Yang Kedua, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang di hadapan Dewan ini juga ialah satu undang-undang yang mana kuasa discretion (discretionary power) dari segi hukuman terlepas diambil daripada mahkamah yang telah ditetapkan iaitu samada hukuman mati atau hukuman gantung ataupun life imprisonment, bermakna mahkamah tidak ada lagi discretionary power, tidak ada lagi budi-bicaranya untuk menjatuhkan hukuman-hukuman yang lain, bermakna dia kena pilih di antara dua itu sahaja—mandatory. Ini mungkin juga akan mendatangkan banyak acquittal oleh kerana maklumlah seperti mana saya telah katakan tadi mereka yang membicarakan kes-kes ini adalah manusia biasa, dan apabila mereka difahamkan bahawa mereka tidak ada kuasa hendak menurunkan hukuman dengan menggunakan budi-bicara mereka samada hendak jatuhkan 5 tahun atau 7 tahun, dan oleh kerana mereka terpaksa hendak memberi hukuman, kalau tidak hukuman gantung ataupun life imprisonment, maka dengan hal demikian kemungkinan begitu besar, begitu berat sekali mereka hendak menjatuhkan satu keputusan

bahawa yang dituduh itu bersalah. Ini ada satu kemungkinan yang besar, dan saya khuatir dengan adanya perkembangan mandatory punishment seperti mana yang telah dikemukakan dalam Bil ini, kemungkinan besar kelak bahawa banyak pula acquittal daripada pendakwaan-pendakwaan yang kita bawa ke mahkamah di bawah kuatkuasa undang-undang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, I crave for your indulgence, kalau saya terkeluar sedikit di dalam perkara ini, sebab perkara ini mustahak. Saya rasa kita harus membawa kes-kes yang kurang mustahak dibawa ke atas daripada kes-kes yang penting dibawa ke bawah. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, seumpama kesalahan-kesalahan Imigresen, sungguhpun ianya kecil tetapi perkara ini besar. Kita faham, kita tahu dan kita sedar bahawa hari ini apabila sahaja ada orang mati di hospital-hospital, kad pengenalan orang mati itu dijual—dijual, kerana apabila kad pengenalan itu sudah dibeli maka gambar orang si mati itu akan di “erase” daripada kad pengenalan itu dan diganti dengan suatu gambar orang lain. Dan dengan kad pengenalan itu mereka pergi pula dalam masa tertentu menukarkan alamat, change of address kepada alamat yang baru dan apabila ini telah tersempurna, maka mereka ini akan memohon warganegara Malaysia. Jadi sungguhpun perkara seperti identity card ini kecil, tetapi perkara-perkara macam inilah, these are the cases that open the door to citizenship by non-citizen by unlawful means. Perkara-perkara semacam ini, saya suka memberi contoh, kita bawa ke atas kerana dalam keadaan sekarang kes-kes semacam ini hanya dibicarakan oleh majistret sahaja sungguhpun perkara ini begitu penting. Ini satu contoh, perkara ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan bercerita-cerita di sini. Ini satu perkara yang saya suka hendak dedahkan di Dewan ini sebagai contoh apa yang saya maksudkan tadi. Ini perkara benar berlaku beratus-ratus, siapa sahaja mati di dalam Malaysia ini sebagai vultures ada sahaja pihak yang hendak membeli kad pengenalan itu kerana kad pengenalan si mati itu berharga, bernilai beribu-ribu ringgit harganya dan ada pihak yang tertentu sanggup membayar berapa ribu ringgit sekali pun untuk membeli kad pengenalan si mati kerana dengan cara itu mereka boleh dapat warganegara Malaysia ini secara haram. Kes-kes semacam ini, saya

fikir perlu Yang Berhormat Menteri Undang-undang kita menyiasat dengan teliti dan jika perlu membawa kes-kes itu ke atas supaya dapat dibicarakan oleh Mahkamah Sesyen ataupun lebih tinggi lagi kepada Mahkamah Tinggi supaya hukuman yang sejajar dengan kesalahan itu dapat dipeturunkan kepada mereka yang bersalah itu. Namun demikian, pada keseluruhannya saya menyokong pindaan ini. Saya bercakap bukanlah tidak menyokong, tetapi hanya membuat teguran-teguran sahaja, kerana saya percaya ramai Ahli Yang Berhormat akan menyokong dan saya mengambil kesempatan untuk berucap hanya membuat sedikit teguran.

4.15 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput):

Tuan Yang di-Pertua, di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya menyokong Rang Undang-undang Senjataapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan) memandangkan kejadian-kejadian membunuh dengan menggunakan senjataapi kian hari kian bertambah adalah satu langkah yang paling wajar bagi Akta ini dipinda. Ini akan membolehkan Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen mengenakan penalti atau hukuman penuh atau hukuman yang lebih berat ke atas penjenayah-penjenayah yang didapati bersalah. Dengan adanya bidang kuasa yang seumpama ini, maka Mahkamah Sesyen akan dapat menjalankan hukuman dengan lebih berkesan dan lebih cepat berbanding dengan Mahkamah Tinggi yang biasanya mengambil masa yang lama untuk membicarakan satu-satu kes jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini suka saya membawa perhatian Dewan tentang kes-kes bunuh yang telah dilakukan dari masa ke semasa. Apabila satu-satu kejadian berlaku orang atau orang-orang yang bertanggungjawab dalam pembunuhan itu jarang sekali dapat dikesan dengan serta-merta dan kadang-kadang sehingga mengambil masa bertahun-tahun masih juga belum dapat dikesan sepenuhnya pembunuh-pembunuh itu.

Banyak senjataapi-senjataapi haram telah diseludupkan ke dalam negeri ini dari Thailand. Di negeri yang tersebut, saya difahamkan tidak mempunyai undang-undang mellesen senjataapi-senjataapi yang dilakukan oleh Kerajaan yang berkenaan.

Yang kedua, senjatapi-senjatapi buatan sendiri amat murah harganya. Ini akan menyenangkan orang-orang dari Malaysia membelinya dan menyeludupkan senjata-senjata itu ke dalam negeri ini. Saya amat menghargai bahawa kita ada mempunyai satu undang-undang melesen senjatapi yang kuat dan harga senjatapi pun mahal harganya di dalam negeri kita. Oleh yang demikian, penyeludup-penyeludup senang sahaja pergi ke sebuah negeri seperti Thailand untuk membeli dan menyeludupkannya ke dalam Malaysia yang mana kejadian itu kebanyakan pembunuhan yang berlaku di dalam negara kita adalah disebabkan senjata-senjata haram yang diseludupkan. Memandangkan senjata-senjata haram menjadi amat popular pada masa ini, maka rakyat biasa kita sentiasa berasa takut. Ini adalah berdasarkan kejadian membunuh yang selalu berlaku di Kuala Lumpur dan di lain-lain tempat di dalam negara kita yang sehingga melibatkan pembunuhan Ketua Polis Negara kita iaitu seorang Pegawai yang tertinggi di dalam Pasukan Polis. Perkara ini sehingga sekarang masih belum dapat dikesan siapa yang bertanggungjawab terhadap pembunuhan itu. Saya sesungguhnya tidak faham apa yang telah dibuat oleh Pasukan Polis walaupun undang-undang telah dibuat dan dilaksanakan, tetapi kejayaannya yang berkesan adalah ditanggung kepada Polis. Nampaknya darjah kejayaan Polis semakin sehari semakin menjadi buruk.

(Dengan izin) It looks to me that I will be unkind if I go on blaming the Police. What can we expect from policemen who receive such a low salary. I am given to understand that a policeman who is vested with the powers to safeguard the lives of ordinary citizens in this country is even paid less than a postman and I think postmen are getting better salaries than the policemen who are vested with powers to look after the lives and the properties of the ordinary citizens of this country.

Psychologically, I am sure the reason why the policeman has not given due consideration to his duty may be because he would be thinking as to what he is going to do for tomorrow with the low salary that he is receiving. I think this sort of psychological feeling has made the policemen think more of earning than looking after the lives or conditions in this country.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa beberapa bulan yang lampau hinggakan anggota-anggota Polis pun ditembak mati macam tidak ada siapa yang mengindahkan perkara itu berlaku. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, akan dapat membayangkan apa yang akan terjadi kepada rakyat biasa sekiranya perkara ini berlanjutan. Membuat Undang-undang memang senang, tetapi mempraktikkannya amatlah susah, hanya dengan memasukkan orang-orang ke dalam penjara semata-mata kerana mereka mempunyai senjatapi-senjatapi haram, tetapi apabila mereka keluar, mereka akan membuat perkara yang sama. Oleh itu, sukalah saya mencadangkan bahawa sesudah mereka dihukum Kerajaan hendaklah juga menarik kerakayatan mereka dan kemudian itu dibuang negeri dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, it is very surprising to note that people who can murder another person can get away with it sometimes without anything. I am very surprised to note that we have paid a lot of attention in throwing away applications for citizenship for minor offences like stealing a chicken or bicycle. We do not give these people a place in society, but a murderer who kills the Police and even the No. 1 man of the Police Force is given an opportunity to come back to society. I think there is a bit of unfairness in this, Tuan Yang di-Pertua. I think when a man does something which is against his conscience and against civil order, I think the right thing to do would be to deport him immediately without even any consideration. The best thing would be to throw him into the sea even if we do not find the boat. Then only I think will they realise that doing this sort of harm to the public is not an easy thing.

Tuan Yang di-Pertua, P.C.O. (Prevention of Crime Ordinance) dan I.S.A. (Internal Security Act) mestilah dikuatkuasakan dengan sepenuhnya terhadap perkara-perkara yang seumpama ini dan perjalanan mereka yang berkenaan hendaklah dibataskan. Itulah sahaja ucapan saya.

4.25 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Ipoh): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I would like to touch on this Bill briefly. In so far as the Bill is meant to speed up trials of offences under the Arms Act, I support the Bill. But, however, if it is meant to prevent such offences,

I think this Bill will not go very far in doing so because I always feel that prevention is better than cure. Preventive measures should be tightened up and should be considered more seriously and if the arms do not come into the country, then there will be few people possessing arms illegally and there will be less of such crimes. As mentioned by the previous speaker, arms now normally come from across the border and therefore the logical thing for the Government to do is to strengthen our controls along the border by perhaps increasing the number of police officers there or customs officers and also regularly send supervisors over to the borders to check on the officers who have been posted along the border so that there would be no "monkey" business.

As I see it, Mr Speaker, Sir, the Government is very keen to increase penalties in almost all sorts of offences but each time the Government increases the penalties we find that more and more crimes are being committed. Therefore, this may not be a solution to the problem of getting rid of crimes in our society.

Mr Speaker, Sir, in the case of offences committed under the Arms Act, as I see it, the offenders are normally not being granted bail by the courts and therefore these offenders are usually locked up in the police stations and so on. In such cases, injustices are being done to the offenders. Every person is supposed to be presumed to be innocent unless proven otherwise. But very often, Mr Speaker, Sir, criminal trials take more than a year to be tried by the courts and indeed some of the criminal trials have taken more than 2 or 3 years. In such cases, the offenders are penalised unnecessarily. Very often, cases are postponed for very, very minor reasons perhaps the Police are not ready with their case, perhaps certain witnesses have not been subpoena'd or perhaps interpreters are not available. The Attorney-General should keep a very close scrutiny over such cases because as is often said, justice delayed is justice denied.

Another point I would like to raise is that lawyers are not very happy with the Police in certain areas because they have been denied the immediate right to consult their clients who have committed offences perhaps

under this Act or other Acts. These rights, although guaranteed by the Constitution, have been denied in many

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, may I explain to the learned speaker that this case has been decided by the High Court in Ipoh. Now again it will be decided by the Court of Appeal. So it is no use saying what is stated in the Constitution when there is a decision of the Court, unless the Honourable Member does not follow the decision of the Court. I have to follow the decision of the Court and so also has everyone in this country.

Tuan Lim Cho Hock: Thank you for the explanation. Indeed I know about a case but although the rights are all there, all guaranteed by the Constitution or by our ordinary laws, there have been cases of abuse. That is why I am asking the Attorney-General to keep a close watch over such things. The rights are there, the rights are guaranteed but even the Court has also guaranteed us those rights. It is the abuses that might have been committed by certain Police Departments. That is why I am asking the Government to keep a close scrutiny over such departments so that everybody will be guaranteed their constitutional rights. Thank you, Sir.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: I want the Honourable Member to state now the police officer and the police station which had abused such powers. If not, you either withdraw or we will take action against you for contempt of the House.

Tuan Lim Cho Hock: Mr Speaker, Sir, I am not making any specific accusation. I am just saying that it might happen in certain departments.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Well, you have been "creating" instances where they have not occurred—hypothetical cases should not be brought into this House as far as possible. You can quote instances, for example, as a sort of warning that things can happen. But there should not be too much of these hypothetical cases. Will you please reply to the Honourable Minister?

Tuan Lim Cho Hock: Should I come across such a case, I will definitely bring it up to the Attorney-General.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: So there has not been such a case?

Tuan Lim Cho Hock: Well, there might have been!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: There might have been! Please inform the Honourable Minister which police station and who is the police officer.

Tuan Lim Cho Hock: Yes, I will do so in future and I hope action will be taken.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Now, please be specific. Are you sure of an incident where a police officer has abused his authority and in which police station?

Tuan Lim Cho Hock: No, Mr Speaker, Sir, when the lawyers ring up the police station saying that they want to see so-and-so, they have been told, "well, you cannot see so-and-so because these cases are held under investigations under section 117 of the C.P.C." These are the difficulties that the lawyers face.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Well, that is not an abuse. Just now you were saying "abuse".

Tuan Lim Cho Hock: Yes, it might amount to an abuse.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Well, it is a matter of opinion.

Tuan Lim Cho Hock: Yes.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: But in this House, you should quote only specific instances or specific cases where they had really happened.

Tuan Lim Cho Hock: Sure, if I do come across specific cases, I would bring them up.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yes, you can. But when you stated it in your speech just now there was no word of warning and you were saying it as if there had been cases of which you know.

Tuan Lim Cho Hock: As I said earlier, there might have been cases.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: You come back to "there might have been"!

4.32 p.m.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Menteri Undang-undang. Di samping itu saya berdoa dengan adanya Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan apa yang telah berlaku selalu berkenaan dengan akibat senjata akan berkurangan dan sebolehnya tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disuarakan oleh rakan-rakan saya dalam Dewan ini pada petang ini, saya amatlah berharap yang hukuman-hukuman akan diberi kepada tiap-tiap yang bersalah dan dengan lulusnya Rang Undang-undang ini juga membolehkan segala kes-kes dan pembicaraan di Mahkamah Rendah, saya percaya orang-orang yang bersalah tadi tidaklah menunggu masa yang lama menerima hukuman dan saya yakin mereka akan dapat hukuman yang lebih berat. Dengan cara ini kita haraplah segala kesalahan itu tidak akan berlaku sebagaimana sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya kaitkan Rang Undang-undang ini sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang tadi, kerana ini berkenaan dengan senjata dan sebagainya. Kita sama-sama tahu bahawa bukanlah saya di sini membawa bidalan cakap dan sebagainya. Adalah menjadi adat sebagaimana wang membawa kebaikan kepada manusia begitulah wang kadang-kadang membawa kehancuran kepada manusia kalau salah guna. Maka pada pendapat saya senjata pun bermacam. Senjata membawa kepada pecah-belah, huru-hara dan pergaduhan dan kita tidak boleh menafikan senjata pilah membawa kepada pertahanan, keamanan dan kebaikan. Sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya tadi ada di antaranya termasuk Ketua Polis Negara yang telah dibunuh oleh pihak penjahat walhal mereka ini ada mempunyai senjata. Tetapi saya percaya, jikalau mereka ini dibunuh, kerap kali penceroboh ataupun penjahat tadi membunuh secara tidak langsung atau secara curi, bukanlah secara berhadapan. Mereka ataupun pihak yang menjadi mangsa tadi tidak ada peringatan atau tidak tahu, kalaulah dia tahu perkara itu tidak akan berlaku. Dengan

sebab itu, saya percaya kalau tiap-tiap seorang mengetahui atas apa yang berlaku perkara itu tidak akan berlaku dan kalaulah kebanyakan daripada rakyat Malaysia atau orang yang mampu mempunyai senjata, pencerobohan sebagaimana berlaku pada hari ini tidak akan berlaku dengan sewenang-wenangnya. Pihak yang hendak membuat ceroboh itu takut, sebab rakyat ada mempunyai senjata.

Izinkanlah saya, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah mengkesahkan tetapi mencontohkan dua kejadian. Satu kejadian setahu saya kumpulan penjahat yang akan menyamun atau akan mengambil wang daripada satu kumpulan yang membawa motokar dengan menaiki atas motokar yang berkenaan, si penjahat tadi cuba menunjukkan pistol atau mengacukan muka pistolnya kepada leher orang yang membawa motokar tadi. Tetapi malang kalau orang yang berkenaan kerana di tepi motokar itu juga ada mempunyai pistol. Kalau tidak silap saya Inspekter Polis yang ada mempunyai pistol, maka orang yang berkenaan telah ditangkap.

Begitu juga yang telah berlaku di tempat saya sendiri Sungai Padang baru-baru ini, kerana pihak penyamun tadi tidak berhati-hati dan pihak yang akan menjadi mangsa itu tahu apa yang akan berlaku, dia telah memanggil orang lain yang ada senjata untuk menunggu. Bahkan akhirnya si-penyamun tadi dapat dibunuh oleh pihak tuan rumah tadi. Jadi di sini fahamlah kita kalaulah pihak senjata itu ada pada orang awam, saya yakin dan percaya pihak pemberontak ataupun penjahat tidak boleh membuat dengan sewenang-wenangnya. Oleh itu, saya berharap di samping Rang Undang-undang ini yang saya tahu tujuannya untuk menghapuskan penjenayah dan menghapuskan benda-benda yang jahat, salah satu jalan yang paling baik agak saya sebagai menolong dengan Rang Undang-undang ini supaya membenarkan senjata kepada orang-orang yang patut dapat, tidak pada masa ini orang yang boleh memegang senjata ialah macam kita Ahli-ahli Dewan, itupun kalau diminta. Ada setengah takut hendak minta termasuk saya sendiri dan saya pun cubalah hendak minta setakat yang boleh. Tetapi orang lain yang hendak minta senjata banyak sangat soalan. Mula kita

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau hendak minta senjata tidak boleh gunakan Dewan ini untuk lobi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, saya tidak lobi, Tuan Yang di-Pertua. Ini sebagai menguatkan. Pada fahaman saya Rang Undang-undang ini sebagai satu jalan baik dari Kerajaan yang kita berdoa dan kita ucapkan tahniah untuk menghapuskan segala jenayah. Ini adalah pendapat salah seorang Ahli Dewan termasuklah wakil dari Kangar sendiri, itulah satu jalan menghapuskannya dan membenarkan dengan memudahkan kepada orang-orang yang baik. Kita tidak mahu kalau seseorang hendak dapat senjata kena jadi Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negeri dahulu dan orang-orang yang ada harta dan sebagainya. Kalau dia mempunyai peribadi yang baik, pengalaman yang baik, latar belakang yang baik, baik pun senjata secara pistol ataupun senapang janganlah dipayahkan sangat kepada mereka ini. Saya yakin kalaulah orang ini semua ada, kebanyakannya ada, perompak tidak jadi merompak dengan mudah, kerana saya tahu macam kita kata pihak Amerika kuat, jarang orang berani serang kerana orang tahu dia kuat. Tetapi yang orang serang ini, macam dia buat apa pun orang tidak boleh buat apa. Sebagai bukti biasa berlaku kita dengar samun, selepas dia samun, dia tembak pula ke atas. Siapa berani hendak masuk? Jangan kacau, dia kuat, semua senyap. Mengapa tidak senyap? Kita semua ada tangan, tetapi dia ada senapang. Tetapi andai kata kalau yang di tepi itu pun dia tidak tahu ataupun kalau dia tahu pun boleh jadi ada, dia tidak boleh buat apa-apa. Maka sebab itulah saya berharap sekali lagi kepada Menteri yang berkenaan walaupun dia bersangkutan dengan undang-undang, tetapi untuk mencari jalan yang mana saya tahu Menteri ini sebagai Menteri yang menggubal undang-undang supaya benda yang payah dimudahkan lagi. Sekian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tetapi mengeluarkan senjata bukan di bawah Kementerian Undang-undang.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya tahu Menteri ini Menteri yang menggubal undang-undang, tetapi insya Allah kita berharap pula kebaikan dia akan menggubalkan pula supaya janganlah payah hendak minta senapang

atau hendak meminta senjata. Kadang-kadang bapa sudah tua, anak yang muda minta sampai bertahun-tahun tidak boleh dapat, walhal orang ini latar belakangnya baik.

4.39 *ptg.*

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana seorang yang cinta kepada ketenteraman, aman damai, dan saya percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat begitu juga, patut sangatlah Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mendapat sokongan kita semua.

Saya juga berpendapat bahawa walau bagaimanapun diadakan kawalan-kawalan, walau bagaimanapun diberi kuasa yang lebih kepada Mahkamah Sesyen maka yang utamanya di dalam perkara-perkara jenayah terutamanya perkara-perkara yang menggunakan senjata dan sebagainya ialah manusia. Walaupun kita adakan kawalan ketat di sempadan, walaupun kita adakan kawalan mencegah pembelian senjata, walaupun kita menentukan hanya kepada orang-orang yang tertentu sahaja yang mempunyai lesen boleh menggunakan senjata; tetapi selagi manusia sanggup menggunakan senjata itu untuk perkara-perkara yang akan mendatangkan keuntungan pada diri sendiri untuk merompak dan sebagainya, kegunaan senjata ini akan terus-menerus berlaku.

Apa yang saya suka tekankan di sini, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan hendaklah mencari jalan, jika kita hendak menghapuskan perkara-perkara yang saya katakan tadi; misalannya, kalau kita hendak membunuh serangga, hendaklah kita cari sarangnya, kalau dapat sarangnya itu ditaruh racun serangga, maka dengan sendirinya serangga itu akan dapat kita hapuskan. Jadi, ada separuh manusia memang "born with a criminal mind," macammanapun kita cuba hendak baikan dia akan menjadi jahat juga, tetapi ada separuh daripada orang yang didapati salah itu, kerana keadaan masa dan sebagainya, terpaksa dia mencari nafkah dengan jalan merompak dan sebagainya. Jadi, di negara kita ini memang kekurangan rehabilitation centre untuk orang-orang di dalam jail, iaitu orang-orang yang kita tangkap dan kita tahan ini, ada

tidak ada pun barangkali "after-care centre." Kalaulah Kerajaan kita ataupun Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat rakan saya tadi, beliau sebagai seorang Menteri, jikalau yang tidak boleh dibolehkannya; dicari jalan undang-undang supaya dapat kita adakan rehabilitation centre untuk orang-orang yang "not born with a criminal mind" iaitu orang-orang yang boleh diperbaiki sesudah dihukum dan sebagainya, dimasukkan di situ insya Allah, saya percaya kita akan dapat menjadikan dia seorang warganegara yang boleh berguna pada masyarakat.

Saya juga suka mengambil perhatian Kementerian yang berkenaan supaya senjata-senjata ini, sungguhpun sebagaimana saya katakan tadi orang-orang yang tertentu sahaja diberi lesen, tetapi saya sendiri tahu ada orang-orang yang mempunyai hingga empat laras senjata untuk dia seorang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Orang itu berapa orang isterinya?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Isterinya seorang sahaja. Tetapi pistolnya empat laras. Satu pistol untuk dia praktis, satu pistol daripada stainless steel, satu pistol pula daripada besi biasa dan satu automatic revolver. Jadi, dengan ini boleh jadi orang-orang ini menyalahgunakan senjatanya. Pada saya satu pistol cukup untuk saya gunakan menjaga diri saya. Pendek kata kawalan hendaklah dibuat. Kawalan ini dibuat untuk mencegah senjata-senjata ini daripada disalahgunakan. Saya juga ketahui; ini psychological effect, Tuan Yang di-Pertua, bahawa penjahat-penjahat yang kita tangkap dan kita hukuman, dia tidak takut masuk jail, samada enam bulan, tiga atau empat tahun—dia tidak takut. Yang dia takut ialah bila dia dibuang ke pulau. Kita mempunyai satu tempat buangan kalau saya tidak salah Pulau Jerejak. Saya ada sekali melawat Pulau Jerejak tetapi kalau dibandingkan Pulau Jerejak itu macam syurga, tidaklah ada hukuman-hukuman di mana dianya boleh betul-betul merasa pahit-maung buangan itu. Kalau boleh hendaklah pihak-pihak yang berkenaan mencari satu pulau yang betul-betul jauh di mana banyak ada; bukan pula kita hendak siksa dia, tetapi betul-betul dia

boleh menjalankan hukumannya untuk membayar apa juga kejahatannya terhadap masyarakat.

Saya juga berpendapat bahawa dengan adanya kuasa yang lebih kepada Sessions Court itu tentu sahajalah reaksinya otomatis. Kalau Sessions Court diberi kuasa lebih maka Mahkamah Rendah pun ada kekosongannya nanti, iaitu dengan adanya pula kekosongan Hakim-hakim kita, jadi walau bagaimanapun kita cuba untuk kes-kes yang bertimbun-timbun itu disegerakan maka dengan kekurangan Hakim-hakim maka tidak juga kita dapat mengatasi kerumitan ini. Saya tidak tahu selok-belok perkara ini kerana saya bukan seorang lawyer tetapi saya ada mendengar baharu-baharu ini iaitu satu kumpulan orang-orang yang telah menerima anugerah J.P. iaitu Justice of the Peace ataupun dalam Bahasa Malaysia Jaksa Pendamai. Mereka telah mengadakan satu mesyuarat dan kalau saya tidak salah, meminta supaya dapat perkhidmatan mereka digunakan. Saya tidak tahu setakat mana boleh kita gunakan perkhidmatan J.P.—J.P. ini tetapi kalau benar-benar boleh digunakan tentulah saya fikir boleh digunakan di dalam Mahkamah Rendah kita dan sebagainya untuk menolong pihak-pihak yang berkenaan memproses dan membicarakan kes-kes ini.

Pada keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan mengalu-alukan Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

4.48 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada tiap-tiap Ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan memberi sokongan kepada pindaan Rang Undang-undang yang saya telah kemukakan.

Pertamanya, saya cuba menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Sepang berkenaan dengan Jury trial atau perbicaraan dengan cara berjuri. Sebenarnya, dengan adanya pindaan Undang-undang yang ada di hadapan kita ini, kes-kes yang dibicarakan oleh Mahkamah Sesyen yang ada special jurisdiction adalah kes-kes yang membawa

hukuman jail seumur hidup dan bukan hukuman mati. Ini bermakna kes-kes ini di Mahkamah Tinggi sekali pun tidak dibicarakan dengan juri melainkan di Pulau Pinang dan Melaka. Kes yang besar-besar walaupun tidak dikenakan hukum gantung adalah dibicarakan dengan pertolongan juri.

Saya telah berbincang atas perkara ini dengan Ketua Hakim Negara kita dan pada bulan Disember yang akan datang saya akan membawa satu Undang-undang meminda (abolishing) ataupun menghapuskan trial by jury di Pulau Pinang dan Melaka selain daripada kes-kes yang bukan dihukum gantung supaya selaras cara pembicaraannya antara Negeri Melaka dan Pulau Pinang dengan Wilayah Persekutuan. Pembicaraan yang membawa hukuman mati ialah masih lagi pada tiap-tiap cadangan itu dibicarakan di Mahkamah Tinggi dengan adanya juri. Sebenarnya pindaan ini, ialah mengikut Subordinate Courts, Section 64—katanya Mahkamah Sesyen cuma boleh menjatuhkan hukuman tidak lebih daripada 5 tahun oleh President of Sessions Court dan tidak lebih daripada 7 tahun oleh Special President Sessions Court. Sebelum ada pindaan ini mereka itu boleh membicarakan, misalnya kes membawa senjata api atau dadah yang membawa hukuman 14 hingga 20 tahun. Tetapi mereka itu tiap-tiap kali kita dengar dalam akhbar hukuman membawa senjata api ialah 6 kali rotan, 5 tahun penjara dan hukuman dari Special President Sessions Court cuma 7 tahun penjara. Bila hendak buat appeal kepada Mahkamah Tinggi maka tidak boleh lagi di appeal dengan sebab mereka itu telah menjatuhkan hukuman sepenuhnya iaitu 7 tahun. Dengan adanya pindaan ini pada masa yang akan datang bila President Mahkamah Sesyen membicarakan kes, misalnya, membawa hukuman 14 tahun, maka sekiranya mustahak, boleh President Mahkamah Sesyen itu menjatuhkan hukuman 10 tahun atau 14 tahun. Dan jika sekiranya dijatuhkan hukuman 4 atau 7 tahun, tidak puas hati, bolehlah pihak pendakwa raya appeal atau minta ulang bicara. Inilah tujuan Rang Undang-undang ini untuk memberi Mahkamah Sesyen bukan sahaja membicarakan kes-kes yang selain daripada dihukum gantung atau mati, tetapi ialah untuk menjatuhkan hukuman sebagaimana yang ditentukan dalam undang-undang selain daripada hukuman bunuh.

Saya banyak mendapat teguran daripada orang ramai dalam Parlimen ini, dan dalam akhbar katanya begitu banyak kes membawa senjata, rompak dengan senjata yang dibicarakan di Mahkamah Sesyen hukuman yang kita dengar ialah 5 tahun atau 7 tahun habis tinggi. Sebab itulah kita pinda Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada President Mahkamah Sesyen kedua-duanya supaya memberi hukuman yang setimpal dengan jenayah yang dilakukan dan juga mengikut apa yang ditentukan oleh Undang-undang.

Mengenai kekuatiran Ahli Yang Berhormat dari Sepang bahawa sememangnya kita jagai dan saya sedar dan dia juga sebagai seorang peguam yang defend atau sokong trial by jury itu ialah satu cara trial atau pembicaraan yang sangat kita junjung tinggi di negeri kita ini, tetapi walau bagaimanapun ada kalanya pada diri saya maaf saya nyatakan di sini, kadang-kadang tidak puas hati boleh dikatakan, kerana saya dengar dalam pembicaraan itu hakim-hakim menyatakan keterangan itu nampaknya terang dan salah, tetapi setengah juri itu masih lagi berdegil menyatakan tiga daripada tujuh itu menyatakan tidak bersalah, maka kes itu tentulah dibuang sahaja. Saya dapati ketiga-ketiganya, misalnya orang Buddhist, nyamuk pun tidak boleh dibunuh. Kena yang semacam itu, kalau ahli juri, macammana salah pun orang itu tidak dapat, hukumannya buang kes juga. Yang keduanya, ada ahli-ahli juri yang saya sedar, kalau kes ini ada campur dengan gangster yang membunuh, mereka itu sememangnya gerun dan takut kerana ada yang kena ugut. Walau bagaimanapun, kalau dia bimbang yang mereka itu akan menuntut bela pada dirinya atau anaknya, saya percaya juga keadilan tidak akan dapat dicapai. Walau bagaimanapun, belum lagi Kerajaan negeri kita ini bercadang atau berniat pada masa ini hendak membuang trial by jury berkenaan kes-kes yang dijatuhkan hukuman mati ataupun bunuh.

Pindaan ini sebelum diluluskan oleh Kerajaan telahpun dihantar kepada Ketua Hakim Negara dan mendapat sokongan dan persetujuan daripada Ketua Hakim Negara sendiri.

Berkenaan dengan kes Imigresyen yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang, sebenarnya ini bukanlah tanggung-

jawab Kementerian saya, tetapi sebagai Ahli Pentadbiran Kerajaan atau Ahli Kabinet, saya akan membawa perkara ini kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, misalnya di Pejabat Imigresyen sepatutnya kalau ada banyak kes berlaku, sebagaimana yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang itu mereka yang menggunakan paspot orang yang mati dan paspot-paspot yang lain sebagai identity card atau paspot yang membolehkan orang luar masuk dalam negeri ini atau menjadi warganegara, adalah satu kesalahan yang difikirkan sangat besar maka bolehlah dibawa cadangan itu dan pada masa akan datang kita akan pinda Undang-undang itu supaya dibuatkan satu hukuman yang jauh lebih berat dan besar dan akan dibicarakan di Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Tinggi sekali pun. Jadi Undang-undang ini sememangnya kita ubah dari masa kesemasa mengikut keadaan yang ada dalam negeri dan kehendak rakyat jelata.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput berhubung dengan kecergasan pihak polis menyiasat perkara-perkara jenayah, saya suka menerangkan di sini bahawa memanglah pihak polis itu telah menambahkan bilangannya dan menjalankan penyiasatan dengan rapi. Tetapi kita semua maklum kes jenayah yang besar telah bertambah bilangannya dan dengan itu penyiasatan akan mengambil masa yang panjang dan kita terpaksa menambahkan lagi Pegawai Polis menjadi ahli penyiasat dan pegawai-pegawai yang baru itu kadang-kadang sungguhpun ada kelulusan tinggi tetapi kurang pengalaman untuk menjalankan penyiasatan itu. Ini tidaklah bermakna saya mesti menjawab berkenaan dengan tuduhan yang katanya dia tidak faham bahawa apa polis telah buat berkenaan dengan pembunuhan Ketua Polis Negara kita yang dahulu sehingga hari ini belum dapat ditangkap lagi orang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang mati itu ialah Ketua Polis Negara. Mustahil saya katakan di sini pihak polis yang handal-handal itu tidak menjalankan penyiasatan yang mendalam dalam perkara ini, tetapi dengan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan segala penyiasatan itu didapati telah buntu sehingga sekarang ini. Ini tidaklah bermakna yang pihak polis tidak menjalankan satu kes yang mana Ketua Polis Negara sendiri telah menjadi korban dalam perkara itu. Tetapi

malangnya tidak dapat dikesan pembunuh itu sehingga hari ini, kerana tidak ada keterangan dan bukti, kalaulah ada berlaku pembunuhan sekarang ini walau siapa pun, kalau tidak ada keterangan, penyiasatan macamanapun tidak dapat Tuan Yang di-Pertua. Malaikat sahaja yang boleh menolong dan mendapat tahu siapa yang membunuh.

Tentang penggunaan Prevention of Crime Ordinance dan juga Internal Security Act atau Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri pada penjenayah-penjenayah ini, perkara ini sememangnya kita telah laksanakan dan dijalankan kepada mereka yang didapati bukti yang cukup tetapi tidak ada keterangan untuk dibawa ke mahkamah, tetapi kita tahu misalnya ketua-ketua gangster dan lain-lain yang kita tahu segala latar-belakang dan bukti-bukti, tetapi siapa pun tidak berani tampil pergi ke mahkamah untuk memberi keterangan atas perkara-perkara jenayah yang dilakukannya maka kita gunakan Undang-undang Had Kediaman (Prevention of Crime Ordinance) dan juga Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri, mereka ini kita hantarkan ke Pulau Jerejak seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Berkenaan teguran Ahli Yang Berhormat dari Ipoh yang menyatakan sungguhpun menyokong Rang Undang-undang ini, Kerajaan tidak bersungguh-sungguh menjaga kawasan Malaysia kita dengan Thailand di mana katanya banyak kemasukan senjatapi. Sebenarnya, kawasan itu adalah luas, Tuan Yang di-Pertua, daripada Selat Melaka hingga ke Laut China, mustahil kita dapat menyekat kawasan itu pada hal pihak Polis, Kastam, Tentera sentiasa mengawasi sepanjang-panjang kawasan itu khasnya di mana ada jalan keluar—masuk antara Thailand dan negara kita. Tetapi walau bagaimanapun, kita sekat dengan ketat perkara ini mustahil kita dapat sekat segala-gala senjatapi daripada masuk ke negara kita. Kita tahu beras yang berguni-guni pun dapat diseludup masuk, inikan pula pistol yang panjang 9 inci kita hendak sekat daripada masuk ke kawasan itu. Dari itu janganlah pihak Ahli Yang Berhormat itu menyalahkan Kerajaan.

Yang keduanya, Ahli Yang Berhormat telah membuat tuduhan tadi kepada pihak Polis di mana katanya telah menganiayai

dan menyalahgunakan kuasa pada mereka yang ditahan dan bila saya challenge dia di mahkamah, minta beri keterangan kalau tidak tarik balik cakap itu dan tindakan akan diambil kepada mereka itu di bawah peraturan tertata-tertib kita pada masa akan datang sekiranya membawa tuduhan-tuduhan yang palsu dan tidak ada keterangan dan mereka nampaknya ragu-ragu dan menyatakan pada Dewan ini dia agak-agak, yang mana difikirkan boleh jadi. Tuan Yang di-Pertua, kalaulah begitu caranya membawa hujjah-hujjah dan tuduhan-tuduhan di Parlimen ini, saya fikir adalah tidak wajar saya menjawabnya, kalau saya hendak menjawab dengan agak-agak pada Ahli Yang Berhormat itu saya fikir akan memalukan dia sendiri.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar meminta pihak Polis atau Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengeluarkan lebih banyak senjata kepada orang-orang yang patut dan layak menggunakannya, suka saya menyatakan di sini bilangan ini sudah banyak dikeluarkan dan sekarang kita mengawasi bagaimana kita hendak mengambil balik sebahagian daripadanya kerana kita dapati ada setengah-setengah orang itu sememangnya tidak patut dan tidak mustahak menyimpan senjatapi.

Saya menerangkan di sini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan kepada penduduk negeri ini iaitu bukan senang hendak memiliki dan menyimpan senjatapi. Kita telah banyak mengetahui dengan sebab kelalaian dan kecuaiannya senjatapi telah hilang, kadangkala telah ditinggalkan di satu tempat dan dicuri orang dan kadangkala disimpan dengan tidak betul di rumah dan dicuri pula oleh orang lain. Di bawah undang-undang barang siapa yang menyimpan senjatapi yang menghilangkannya atau dicuri oleh orang daripada tangannya ataupun disebabkan kecuaiannya dan lain-lain walaupun disimpan di rumah dicuri oleh orang adalah boleh ditangkap dan dituduh di mahkamah kerana kesalahan kelalaian menyimpan senjatapi. Saya fikir adalah lebih selamat daripada tidak menyimpan senjatapi dari menyimpan senjatapi, kerana saya telah memberi arahan kepada mereka yang ada mempunyai senjatapi dan apabila didapati senjatapi itu dicuri orang lain atau sebab-sebab lain, misalnya, tidak ada ditanggannya hendaklah dituduh di mahkamah dan ditangkap sebagaimana yang berlaku baru-baru ini. Saya

tahu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dan boleh dikatakan tiap-tiap seorang menyimpan senjatapi, saya harap bercermatlah sedikit pada masa yang akan datang.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, senjatapi yang hilang atau yang dicuri dan didapati senjatapi-senjatapi ini digunakan untuk merompak di tempat lain, ini bahaya kepada penyimpan senjatapi.

Yang keduanya, bukanlah kita dengan mempunyai senjatapi boleh mengelakkan mereka itu daripada merompak kita. Di bank-bank semua mempunyai senjatapi iaitu di hadapannya ada seorang penjaga memikul senjatapi dan saya percaya manager-manager itu juga ada senjatapi tetapi dirompak juga. Kita juga dengar satu kes dalam suratkhobar di mana seorang itu mempunyai senjatapi di tangannya dengan mempunyai lesen, tetapi bila seorang perompak masuk ke dalam kedai gunting dan merompak semua yang ada di dalam kedai itu, dia tidak menggunakan senjatapi, maka perompak itu terus mengambil senjatapi dari sakunya dan dibawanya pulang. Apa maknanya mempunyai senjatapi kalau tidak digunakan? Ini akan membahayakan, kalau ada rompakkan tiap-tiap seorang itu akan berfikir dua kali menggunakan senjatapi, samada dia membunuh perompak yang masuk itu atau dia sendiri akan dibunuh oleh perompak. Saya tidak percaya tiap-tiap seorang akan menggunakan senjatapi sungguhpun mereka itu ada senjatapi.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor kerana sokongannya dan juga menjawab bagi pihak saya mengatakan walau bagaimanapun tindakan yang kita ambil bukanlah senang hendak menghapuskan perompak yang menggunakan senjatapi tetapi kita dapat mengurangkannya. Berkenaan dengan Rehabilitation Centre yang dicadangkannya iaitu tempat pemulihan orang-orang yang telah dipenjarakan, orang itu sememangnya bukan jahat tetapi boleh dipulihkan apakala keluar. Perkara ini adalah dalam jagaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dan saya bawakan cadangan yang baik ini kepada Kementerian yang berkenaan supaya cadangan itu seberapa yang boleh kita cuba jalankan pada masa yang akan datang, moga-moga ada sebilangan daripada penjenayah-penjenayah yang baru masuk dan yang

muda-muda itu dapat kita perbaiki tabiat dan kelakuannya dan kembali menjadi ahli masyarakat yang sempurna.

Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sebanyak jawapan saya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menempohkan Mesyuarat ini selama lima atau sepuluh minit dan saya harap mendapat persetujuan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tempohkan Dewan ini selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 5.10 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.30 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG SENJATAPI (PENALTI LEBIH BERAT) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.30 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan) dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu lagi Rang Undang-undang pindaan yang tujuan dan maksudnya adalah sama sahaja seperti Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) yang telah saya bentangkan dalam Dewan ini tadi. Tujuannya antara lain, memberi kepada Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen yang telah diberi oleh Yang di-Pertuan Agong bidang kuasa di bawah Seksyen 63 (3) Akta Mahkamah Rendah, 1948 kuasa untuk mengenakan penalti atau hukuman penuh lain daripada hukuman mati yang diperuntukkan oleh Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), 1971.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.32 ptg.

Tuan Luhah Wan (Baram): Tuan Yang di-Pertua, saya memberi setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Undang-undang dan Peguam Negara oleh kerana Kementerian beliau adalah dalam pendapat saya amat sibuk untuk menyelesaikan Rang Undang-undang yang tepat dan efektif untuk menolong negara Malaysia supaya negara ini dapat menjamin keadilan dan keamanan untuk kepentingan rakyat di negara kita. Dari kelmarin saya sudah renung-renung semua kegunaan Rang Undang-undang yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini yang telahpun dibawa kemari oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang, oleh kerana itu saya sedar bahawa kebanyakan teguran dan sumbangan yang telahpun diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini untuk diselidiki ataupun untuk diambil tindakan tegas oleh pihak Menteri Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik hati melihat Rang Undang-undang ini oleh kerana ada beberapa Rang Undang-undang yang telahpun dibawa ke mari terdahulu daripada Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang. Tujuannya telah diterangkan di dalam pindaan ini iaitu untuk menguatkuasakan ataupun menambahkan denda kepada orang yang melakukan jenayah yang menggunakan niat dan nafsu yang jahat untuk merampas hak-milik rakyat

di negara kita Malaysia ini yang menggunakan senjata untuk merompak serta membuat barang yang tidak diinginkan seperti merogol dan sebagainya.

Saya bersetuju dengan beberapa cadangan yang telahpun diterangkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat tadi semasa kami membincangkan Rang Undang-undang yang telah diluluskan baru-baru tadi, iaitu telah bersetuju dengan kata-kata dan teguran yang telahpun dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor. Cadangan itu mengikut pendapat saya adalah dianggap penting jika orang yang melakukan jenayah dalam negara ini telah ditangkap serta ditempatkan di dalam satu tempat yang tertentu oleh Kerajaan Malaysia. Mereka akan dapat dididik dengan mengikut undang-undang negara dan mereka juga patut diberi latihan mengikut Rukunegara bahawa negara kami Malaysia ini adalah satu negara yang dianggap bergantung dengan Tuhan. Kami sentiasa berusaha diri supaya kami mematuhi diri kami dengan pengajaran-pengajaran dalam agama masing-masing, sebagaimana yang disebutkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat tadi iaitu teman saya dari Kuala Selangor, iaitu Kerajaan harus mencari sarang dari mana datangnya penyakit criminal ataupun niat melakukan jenayah untuk merosakkan moral dan mengancam ketenteraman dan kemakmuran negara. Tidak syak lagi, Tuan Yang di-Pertua, kami ini manusia. Saya dapati sekarang walau bagaimanapun Rang Undang-undang yang begitu baik, yang begitu elok diperbuat di Dewan yang mulia ini untuk kepentingan negara, jika selagi dosa yang sedang merajalela di dalam batin dan kehidupan manusia itu, dia tidak dapat disembuhkan dengan Rang Undang-undang yang begitu berat yang ditekankan di atas kehidupannya, melainkan dengan kuasa dan kekuatan kuasa "Roh Tuhan sendiri". Perkara ini satu perkara yang dianggap luar biasa yang ertinya mujizat, tetapi tidak sukar jika kami membuka pintu bagi ummat Tuhan supaya memberi pengajaran Injil ataupun supaya memberi opportunity atau peluang bagi orang yang melakukan jenayah itu mengerti hukuman daripada firman Tuhan, maka tentu sekali jika menurut kehendak Tuhan mereka dapat diubah menjadi warganegara yang betul-betul mahu melakukan kebajikan untuk kepentingan negara kami. Walau bagaimanapun, baiknya dan eloknya Rang Undang-undang

kami buat di dalam Parlimen ini, jika itu sahaja syarat-syaratnya kami gunakan daripada pihak manusia mungkin sama sekali kami tidak dapat menghapuskan hal jenayah ataupun criminal di dalam Malaysia, melainkan jika mengikut “kekuatan kuasa Tuhan” perkara ini dapat dibuat oleh Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi jika orang yang melakukan jenayah tadi ditempatkan di satu tempat tertentu oleh Kerajaan Malaysia di sana dibuka pintu bagi orang membawa injil kepada orang yang tidak berapa dianggap berguna kepada rakyat pada masa ini, mungkin—bukan-mungkin tentu sekali Tuhan dapat membaiki mereka itu, kerana sudah nyata di mana-mana tempat jika dengan tekun dan dengan rajinnya orang membawa firman Tuhan kepada orang yang melakukan jenayah ataupun membuat criminal kebanyakan daripada mereka telah bertobat—bertobat serta meninggalkan melakukan yang kita tidak ingini itu serta takut kepada Tuhan. Ini sahaja ubatnya. Tetapi Rang Undang-undang ini jikalau kita tinjau dengan pandangan manusia adalah betul-betul mustahak, betul-betul perlu; saya sokong 100% tetapi jikalau sumbangan daripada saya ini dapat diterima oleh pihak Kerajaan Malaysia, saya harap pada masa yang akan datang macam di Pulau Jerejak itu boleh, jikalau dengan izin Tuhan, saya sendiri pun mahu pergi ke sana supaya memberi Injil kepada orang-orang yang dianggap tidak berguna ini supaya dengan kuasa Tuhan, bukan dengan kuasa saya, bukan dengan kuasa imam, bukan dengan kuasa nabi melainkan dengan kuasa Tuhan yang dapat memindahkan niat batin hati manusia itu supaya dia mengenal Tuhan; dia tidak takut dengan undang-undang, saya percaya dia tidak takut. Ramai orang yang mengambil nyawanya sendiri serta melakukan bunuh diri, dia dapat membuat criminal juga, dia kira, “Esok, lusa saya pun mati, sebelum saya mati membunuh diri bagus saya melakukan ini dan itu”. Dia dapat buat kerana bererti dia sudah patah hati (broken-hearted).

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, sekali lagi saya menyampaikan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Peguam Negara oleh kerana Rang Undang-undang ini telahpun dibawa ke mari untuk perbahasan serta diberi sokongan oleh Dewan ini.

5.42 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit dalam Rang Undang-undang ini, dan di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, while it is true that provision for increased penalties so as to prevent crimes may be necessary to some extent, I would say that other aspects of bringing down the crime rate are also quite important.

From my experience, at least in my constituency, I know that there is more or less some sort of warfare by gangs to control territories within the area of Seremban. Obviously the spoils are there, spoils from gambling dens, vice dens, drug dens and other things, but what distresses me most is about the people in-between—the small petty traders and the innocent residents—who are also affected by this type of warfare between gangs of secret societies, or call them by whatever name you like.

There have been complaints from petty traders who say they have to make regular contributions to whichever group or gang is in control of their area. They fear that their stalls or their goods may be damaged should they refuse to pay such money in regular contributions, i.e. extortion money. Moreover, things have gone to such a stage that these operators who prey on innocent people go from door to door and from house to house to ask the residents to pay them money or else something might happen to their houses or they may incur bodily injury and so these poor residents, to avoid any possibility of injury to themselves or damage to their homes cough up \$10 or \$20 each time they come around. Of course, we have assurances from the Government that there are policemen around to protect them, that there are patrol cars going round regularly, but it is also a fact that most of the time streets are not patrolled with enough policemen, there are not enough patrol cars to go around and these people go around threatening people for money—the gangsters and thugs, have a free time, a “hay day”. So, therefore, I would ask the Ministry concerned to pay attention also to the question of prevention and protection of innocent residents because these gangsters who prey on innocent

people should be brought to task. Probably one way other than increasing penalties may be for the Government to encourage the setting-up of more community centres in more areas throughout the country so that these community centres will have citizens who are public-minded or civic minded enough, and probably, if given the proper encouragement by Government, will form vigilante corps on their own so as to protect themselves from the extortions and threats of these groups.

I am not concerned so much with what the Government does with these thugs but I am more concerned with the innocent people who are affected by these gangsters and thugs. So, I therefore urge the Government to look into the matter and try to form more community centres or People's Associations or whatever you would like to call them and encourage the people to come forward to help themselves to form vigilante corps so that they can protect themselves from these gangsters.

5.46 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Akta (Pindaan) ini yang memberi kuasa kepada Mahkamah Sesyen untuk membicarakan kes-kes berkenaan dengan senjata. Ini menunjukkan bahawa banyak kes-kes senjata semakin menjadi-jadi di negeri kita yang tak dapat diselesaikan oleh mahkamah dan dengan sebab itu pada pandangan Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara memberi kuasa ini.

Saya suka menarik perhatian berkenaan dengan hal senjata ini iaitu kita banyak meletakkan perhatian kepada kesalahan menggunakan senjata hanya untuk mengambil nyawa, membunuh orang tetapi kita tidak memberi perhatian kepada orang yang menggunakan senjata untuk merompak wang di bank. Kita tahu sekarang sewenang-wenangnya perompak-perompak ini menggunakan senjata mengambil wang di bank dan banyak bank kita kena rompak, barangkali satu masa akan datang bank yang lebih besar atau barangkali Bank Negara sendiri, kita tidak tahu. Kita tahu bank ini tempat menyimpan wang orang-ramai dan wang Kerajaan atau harta negara ini. Kalau sekiranya semakin menjadi bank di rompak dengan sewenang-

wenangnya dengan tidak dapat ditangkap atau tidak diberi hukuman yang sepadan maka kepercayaan orang ramai terhadap Bank Negara kita tentu merosot. Ke mana lagi orang ramai hendak meletakkan kepercayaan untuk menyimpan wang kalau bank itu tidak dapat dijaga dengan secukupnya oleh pihak yang berkuasa. Kita menggalakkan orang ramai menyimpan wang di bank, jangan simpan wang di rumah kerana dirompak di rumah atau kecurian atau kebakaran dan orang ramai simpan wang di bank tetapi bank sendiri tidak dapat dijaga oleh kita, oleh pihak bank atau oleh pihak Kerajaan dengan sebab boleh jadi perompak-perompak ini memandang tidak ada satu hukuman yang berat yang diterima oleh mereka itu.

Saya minta perhatian bahawa kesalahan merompak bank dengan menggunakan senjata juga patut ditimbulkan oleh Kementerian Undang-undang, memberi hukuman yang sepadan, bukan sahaja hukuman berpuluh tahun penjara tetapi sepadan juga dengan hukuman seperti dadah, iaitu hukuman mati kepada perompak-perompak yang menggunakan senjata merompak bank walaupun dia tidak membunuh orang dalam bank tetapi dia menggunakan senjata itu mengambil wang di bank yang menyebabkan imej negara dan perasaan orang ramai bimbang terhadap bank dan barangkali keselamatan kewangan kita tidak terjamin, maka hukuman mati juga harus padan, setimpal diberi kepada perompak-perompak ini. Dengan kerana itu patutlah pihak bank itu sendiri atau pihak kerajaan sendiri menasihatkan bank yang hendak dibuka mestilah dibuat kawalan yang rapi yang ketat, sepadan dengan menjaga bank, bukan hanya dengan seorang jaga memegang senapang patah hendak jaga bank duit beratus-ratus juta ringgit, jaga dekat pintu, perompak boleh rampas dan bawa lari senapang dan tak ada lagi senjata menjaga bank.

Saya rasa keadaan yang semacam ini tidak berpadan kawalan di bank negara kita memandang bahawa perompak menggunakan senjata-senjata yang lebih moden daripada senjata bank itu sendiri untuk menjaga keselamatan bank itu sendiri. Jadi patutlah diikhtiarkan bahawa pengawal bank itu mestilah ditempatkan dalam satu tempat yang lebih selamat atau yang lebih menasabah untuk memandang semua

keadaan bank dan suasana dalam bank itu, mereka boleh ketahui siapa yang masuk dalam bank itu atau orang yang cuba hendak merompak Pengurus Bank. Jika dapat diketahui dengan serta merta, mereka boleh bertindak dengan tidak diketahui oleh perompak di mana mereka berada. Bukan hanya setakat mengawal di pintu bank sahaja, tetapi juga patutlah bank-bank menggunakan satu cara penutup pintu automatik, misalnya apabila seseorang masuk ke bank untuk merompak, dia boleh tekan switch dan semua pintu bank terkunci dan perompak itu sendiri tidak boleh melarikan diri dan pengawal dalam bank itu boleh menangkap perompak itu atau boleh membunuhnya. Ini tidak begitu. Dalam masa dua tiga minit sahaja mereka boleh melarikan wang bank beratus-ratus ribu dan tidak ada seorang mencabarnya.

Saya rasa ini menjatuhkan imej negara kita yang kita kata bahawa Malaysia sebuah negara yang makmur dan aman damai, tetapi orang boleh menggunakan senjatapi dalam dua tiga minit mengambil wang beratus-ratus ribu. Ini saya minta perhatian berat daripada Kementerian Undang-undang atau Peguam Negara sendiri supaya menjalankan satu ikhtiar sebagaimana kawalan yang lebih rapi dapat dibuat untuk keselamatan bank-bank ini dan menggubal undang-undang supaya perompak-perompak yang menggunakan senjatapi untuk mengambil wang bank ini diberi hukuman setimpal bahkan hukuman bunuh seperti juga kita buat terhadap dadah kerana dengan hukuman yang seperti itu boleh menakutkan perompak-perompak yang hendak merompak di bank itu. Barangkali mereka bertambah berani dengan sebab mereka tahu mereka kena 10 tahun, lepas daripada 10 tahun mereka keluar dan mereka boleh merompak lagi dan mereka boleh memberi maklumat-maklumat lagi kepada sahabat handai. Tetapi kalau sekali kita dapat tangkap dan terus mereka kita hapuskan barangkali harus mereka tidak dapat hendak menyebarkan maklumat-maklumat mereka itu tentang masalah rompakan atau mereka tidak dapat kawan lagi pada masa akan datang. Jadi saya minta Peguam Negara sekali lagi supaya memandang berat atas masalah ini yang nampaknya sudah berlaku sewenang-wenangnya di negara kita orang mengguna-

kan senjatapi bukan sahaja untuk mengambil nyawa tetapi mengambil wang beratus-ratus ribu bahkan berjuta daripada bank kita.

5.53 *ptg.*

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong pindaan Rang Undang-undang Senjatapi (Penalti Lebih Berat) yang dibentangkan dalam Dewan pada hari ini. Saya rasa sudah tiba masanya Rang Undang-undang ini dikemukakan kerana sesuai dengan keadaan pemikiran masyarakat terutama sekali bilangan pihak-pihak yang kurang dewasa di dalam negara kita dengan adanya pengaruh-pengaruh daripada luar negeri dan adanya pula tayangan-tayangan gambar dan melalui talivisyen berasa seronoknya kadang-kadang itu kita sendiripun suka menengok masalah tembak-menembak. Sangkaan mereka keseronokan menembak di dalam talivisyen itu serupa juga kalau dilakukan dalam kehidupan sehari-hari. Jadi yang mustahaknya kepada Menteri Undang-undang dan Peguam Negara kita ini janganlah Kementerian ini berjalan sebagai "Lone Ranger" iaitu mengeluarkan undang-undang tetapi kesannya itu tidak dirasakan oleh masyarakat.

Di sini saya rasa sesuatu undang-undang yang berat seperti ini apabila diluluskan oleh Dewan yang mulia ini hendaklah tanggungannya ini sama-sama ditanggung oleh seluruh masyarakat melalui Kementerian-kementerian yang lain dan badan-badan seperti media Kementerian Pelajaran misalnya mencari satu cara bagaimana hendak memperkenalkan, hendak mempublikasikan Rang Undang-undang Senjatapi Penalti Lebih Berat ini diadakan menerusi buku-buku peringkat sekolah dan kepada artist penulis pula diadakan siri-siri cerita pendek melalui akhbar, radio dan sandiwara-sandiwara di sekolah-sekolah supaya Rang Undang-undang seperti ini memberi kesan yang sungguh-sungguh boleh menukar pemikiran orang ramai dan bersungguh-sungguh menakutkan kepada pihak-pihak yang tertentu.

Satu lagi masalah kesan bagaimana supaya Rang Undang-undang ini boleh berjaya ialah kejujuran pihak yang melaksanakan undang-undang terutama sekali melalui pegawai-pegawai yang ada dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri: Polis, Imigresen, Kastam, terutama sekali kepada

ketua-ketua mereka, bagaimana mereka hendak menunjukkan satu perbuatan atau satu contoh supaya dapat diikuti oleh anak-anak buah mereka. Personaliti bagi Ketua-ketua Polis Negeri, O.C.P.D., Ketua-ketua Trafik, kejujuran mereka melaksanakan tugas-tugas mereka supaya jangan masyarakat sakit hati menengok mereka itu menyalahgunakan kuasa-kuasa yang ada pada mereka, sebab ini telah diterangkan banyak rungutan-rungutan disebutkan oleh budak-budak nakal. Mereka kata mereka tidak boleh buat apa-apa ada ketikanya mereka teraniaya tetapi oleh sebab orang-orang yang menjalankan tugas ini mempunyai kuasa dan undang-undang dalam negara kita ini terkawal tidak boleh buat apa-apa. Jadi kejujuran ini hendaklah datangnya terutama sekali dengan adanya pengorbanan daripada pihak yang mempunyai kuasa barulah dapat dituruti dan dihormati oleh masyarakat, oleh rakyat-jelata.

Kemudiannya pula pandangan masyarakat ataupun layanan masyarakat terhadap penjenayah-penjenayah yang telah keluar daripada pintu jel. Ini juga sikap masyarakat untuk memberi penghormatan semula kepada mereka. Sebab saya di dalam Wilayah Persekutuan ini, banyak menemui bekas-bekas banduan sehinggakan mereka meminta saya menubuhkan Persatuan Bekas-bekas Banduan, mereka tidak ada pimpinan, mereka itu sedar, tetapi mereka takut hendak masuk ke dalam masyarakat. Penghinaan terhadap mereka itu masih terasa-rasa dan permintaan penubuhan persatuan banduan itu sehingga hari ini tidak ada dapat jawapan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, misalnya. Inipun mereka terasa takut walhal mereka sanggup hendak menolong pihak Kerajaan. Ini juga kecurigaan yang dikatakan gap lalu sentiasa tidak ada kejujuran ini timbul berbagai-bagai. Jadi bermacam-macam perkara boleh berlaku. Yang kita takutkan selalunya apabila berlaku tembak-menembak biasanya orang ini sudah lupa masaalah ugama, tidak takutkan mati ialah kerana frustration, yang mereka rasai, yang mereka alami, kerana mereka sentiasa tertekan dan tidak ada pembelaan. Ini perasaan yang datang daripada mereka. Jadi tidaklah ada gunanya pihak Peguam Negara mengeluarkan Undang-undang. Tetapi Undang-undang ini tidak ada kesannya kepada masyarakat dan tidak ada kesannya kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu kadang-kadang ianya menjadi ejekan. Di dalam Dewan yang mulia ini eloklah kita bentangkan separuh tabiat manusia yang mempunyai kuasa menjalankan tugas-tugas mereka di jalanraya, nampak-nampaknya menjadi ejekan kepada orang ramai, yang menyakitkan hati mereka. Maka dengan sebab perasaan begitulah timbulnya mereka itu memberontak kepada masyarakatnya sendiri. Saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan janganlah anggap Kementeriannya itu mengeluarkan Undang-undang sahaja, saya berharap dapat berhubung dengan pihak-pihak Kementerian yang lain-lain supaya Rang Undang-undang ini betul-betul berkesan dan ada perbezanya kelak selepas empat-lima tahun Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan ini.

6.02 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Saya sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, bangun dan mengalu-alukan Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Kementerian yang berkenaan. Di samping itu saya sekali lagi menekankan di dalam Majlis yang mulia ini betapa mustahaknya selain daripada Rang Undang-undang yang dikemukakan itu kawalan-kawalan yang ketat juga hendaklah dibuat supaya Rang Undang-undang ini boleh berjalan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini seseorang yang memiliki senjatapi tidak dapat atau sukar hendak menentukan bila dan di mana dia boleh menggunakan senjatapi itu tanpa melanggar Undang-undang ataupun Penal Code. Misalnya, baharu-baharu ini ada satu tembak-menembak di Ibu Kota. Saya, Tuan Yang di-Pertua, mempunyai senjatapi. Bila saya tengok tembak-menembak itu apa yang terlintas pada pendapat saya, saya hendak campur sama, hendak menolong orang, tetapi saya teringat kepada Penal Code. Saya hanya boleh mempertahankan diri saya sendiri, kalau saya campur nanti boleh jadi ini salah dari segi Undang-undang, jadi saya diaman sahaja. Samada ini satu attitude civic consciousness atau tidak, tidaklah saya tahu, tetapi saya berpendapat banyak di antara orang-orang yang mempunyai senjatapi kerana tidak tahu berkenaan dengan bila atau di mana boleh digunakan senjatapi ini mendatangkan berbagai-bagai perkara yang buruk.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sekarang hendak menjadi seorang pemandu kereta, kita pergi ke pejabat yang berkenaan, kita akan diuji dengan beberapa perkara berkenaan dengan memandu kereta. Umpamanya, berkenaan Highway Code, macammana hendak pusing kanan, macammana hendak pusing kiri; apa tanda yang tidak boleh atau apa tanda yang boleh masuk, semuanya ditanya kepada kita; baharu diberinya lesen. Tetapi, saya hairan perkara yang lebih mustahak iaitu untuk memiliki senjatapi; minta sahaja, sebutkan, saya ini seorang taukeh lombong, saya hendak mempunyai senjatapi, penuhkan borang dan barangkali dengan sokongan-sokongan orang-orang yang kuat, dapat lesen; kadang-kadang menembak pun dia tidak tahu, jangkana yang macam saya katakan tadi berkenaan dengan Penal Code. Di bawah Undang-undang Arms Act mengatakan bahawa seseorang itu boleh dihukum maksima dua tahun penjara dan atau maksima denda \$5,000 jika didapati salah menggunakan senjatapi yang berlesen (bukan senjatapi yang tidak berlesen) tanpa lawful excuse.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi dalam masa membincangkan Rang Undang-undang yang sebelum daripada ini Yang Berhormat Menteri telah menerangkan, itu sebabnya daripada orang yang ada diberi lesen sekarang hendak ditarik balik lesennya itu.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Saya membawa perkara ini sekali lagi kerana saya minta supaya Kementerian yang berkenaan dapat memikirkan cara-cara mengetatkan sedikit pengeluaran lesen-lesen senjatapi ini. Kalaupun hendak diberi lesen-lesen senjatapi hendaklah orang itu diperiksa dan disoal jawab bukan sahaja tentang kemahirannya untuk menggunakan senjatapi tetapi juga mengetahui serba sedikit berkenaan dengan Arms Act.

6.05 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan akan bercakap sedikit sebanyak menimbulkan satu perkara sahaja yang berkait dengan Rang Undang-undang ini. Bagi mencapai tujuan supaya Rang Undang-undang ini berkesan setelah diluluskan kelak, saya suka

mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara pada masa akan datang membawa satu Rang Undang-undang baharu mengharamkan kemasukan dan penggunaan barang-barang mainan kanak-kanak yang berbentuk senjatapi.

Saya timbulkan perkara ini sunguhpun kita tahu senjata-senjata mainan kanak-kanak itu dibuat daripada pelastik, daripada getah dan sebagainya, merupakan satu perkara yang kecil sahaja, tetapi bagi saya, saya rasa ada kaitannya dengan Rang Undang-undang ini dan ada kaitannya dengan senjatapi yang sebenarnya.

Yang pertama, ada kemungkinan pengimpot-pengimpot senjata-senjata mainan ini samada yang halal—berlesen ataupun secara haram barangkali boleh menyeludup senjata-api yang betul bersama-sama dengan senjata-senjata mainan itu. Ini menambahkan kemasukan senjatapi ke dalam negara kita dengan secara haram.

Yang kedua, senjata-senjata mainan juga boleh digunakan oleh penjenayah-penjenayah untuk merompak, mengugut dan sebagainya. Jika senjata-senjata, katakanlah sepucuk pistol pelastik dapat digunakan untuk merompak, maka fungsinya sudah sama dengan sepucuk pistol yang sebenarnya tidak ada beza lagi.

Yang ketiganya, saya rasa dengan menggalakkan kanak-kanak kita menggunakan senjatapi sebagai mainan ini boleh merosakkan jiwa mereka, boleh melatih mereka sedikit-sebanyak ke arah melakukan jenayah-jenayah pada masa yang akan datang. Kita tahu, sekarang ini jika sesiapa yang ada mempunyai anak lelaki setelah anaknya barangkali berumur tiga, empat atau lima tahun ke atas, barangkali barang-barang mainan yang diminta oleh mereka pada mulanya ialah pistol atau senapang. Kehendak-kehendak ini sebenarnya, barangkali kerana mereka ini melihat cerita di dalam wayang gambar, TV, dan sebagainya, mempengaruhi jiwa mereka supaya cuba menggunakan senjatapi ini. Dan saya sendiri dapat melihat berbagai-bagai jenis senjatapi mainan kanak-kanak dibuat betul-betul mengikut jenis-jenis senjatapi yang sebenarnya, misalnya, kalau jenis revolver dibuatnya senjata plastik itu tidak ada bezanya dari segi bentuk dan ukurannya, sama

keadaannya. Begitu juga dengan jenis yang lain. Jadi, saya rasa jika anak-anak kita pada hari ini dari kecil lagi sudah diasuh memberi semangat supaya mereka ini suka menggunakan senjata, pada masa yang akan datang setelah umur mereka meningkat belasan tahun dan jika mereka ini pula barangkali gagal di dalam pelajarannya, tidak dapat meneruskan lagi keperingkat yang lebih tinggi dan bercampur dengan kumpulan-lumpulan yang jahat akan mempengaruhi jiwa mereka supaya cuba menggunakan senjata yang sebenarnya dan ini menambahkan perasaan mereka supaya melakukan perbuatan-perbuatan jenayah dan saya rasa ini boleh merosakkan jiwa anak-anak kita. Dan ini patutlah difikirkan bukan sahaja oleh pihak Yang Berhormat Peguam Negara, tetapi juga oleh ahli-ahli saikoloji atau oleh pendidik-pendidik kita samada jenis-jenis permainan semacam ini betul, sebagaimana pendapat saya tadi boleh merosakkan jiwa anak-anak kita. Mengikut pendapat saya, kanak-kanak ini patutlah diberi jenis-jenis permainan yang boleh membentuk satu peribadi atau semangat yang baik. Umpamanya, kalau musim Kerajaan kita melancarkan bumi hijau ini biarlah anak-anak kita barangkali bermain dengan buah-buah terung, pisang, cili dan sebagainya (*Ketawa*). Ini memberi semangat kepada mereka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu pun ada juga bentuk pistol (*Ketawa*).

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Dan begitu juga, kalau kita hendak mempopularkan sains dan teknologi, biarlah anak-anak kita itu main dengan roket, kapal terbang, motokar, trektor dan sebagainya. Ini pistol, senapang, pedang yang menjadi mainan utama kepada anak-anak kita. Jadi, kesimpulannya syor saya tadi supaya pihak Yang Berhormat Peguam Negara memikirkan perkara ini kalau perlu pada masa yang akan datang dapat membuat satu Rang Undang-undang untuk mengharamkan segala kemasukan dan penggunaan sebarang permainan kanak-kanak yang berbentuk sama keadaannya dengan senjata yang merbahaya.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh Menteri Undang-undang.

Di masa yang akhir-akhir ini rakyat berasa gusar dan dukacita kerana banyak kejadian-kejadian yang berlaku berkenaan penggunaan senjata dalam negara kita ini. Jadi dengan tegasnya saya bercakap di sini ada kejadian-kejadian iaitu kehilangan senjata yang dicuri kerana kelalaian, bukan sahaja oleh pihak pemegang-pemegang senjata daripada orang ramai bahkan daripada pegawai-pegawai Polis pun ada juga yang hilang kerana kecuaiannya. Jadi saya berharap di sini manakala Rang Undang-undang ini dilulus dan dijalankan iaitu hukuman yang sama berat juga harus dikenakan kepada mereka yang kehilangan, yang cuai berkenaan dengan penjagaan senjata yang dikeluarkan kepada mereka. Dengan cara yang semacam ini, dengan Undang-undang yang ketat ini barulah dapat dikawal senjata yang dipegang oleh tuannya masing-masing dan tidaklah akan menjadi suatu kekusaran kepada pihak orang ramai di atas kejadian-kejadian yang kelak akan berlaku akibat terlalu banyak senjata yang dikeluarkan kepada rakyat dalam negara ini. Kita harus mengikuti perincian banyaknya rakyat dalam negara ini dengan senjata yang dikeluarkan kepada orang ramai. Kalau dibandingkan dengan perincian itu kita harus berasa dalam negara ini banyak senjata yang dikeluarkan dengan begitu sahaja kepada orang ramai. Kita pada hari ini telah mempunyai satu Police Force atau pun Pasukan Polis yang baik dan angkatan tentera yang baik untuk menjaga keselamatan kita.

Lagi satu yang saya suka hendak sebutkan di sini ialah berkenaan dengan pengeluaran senjata kononnya kepada hartawan-hartawan ataupun orang-orang kaya yang bertujuan hendak menjaga harta mereka yang sekian banyak itu. Kita harus menarik perhatian kepada satu kejadian dalam tahun 1969 yang saya tidak mahu sebutkan di sini, iaitu kejadian yang bersejarah kepada kita. Senjata yang dikeluarkan oleh Kerajaan itulah juga menghentam balik pihak Kerajaan kita. Jadi kalau kita tidak awasi dari sekarang ini mungkin kejadian yang begitu juga akan berlaku dengan Undang-undang yang ringan, yang memberi dan mengizinkan pengeluaran senjata kepada rakyat. Jikalau Undang-undang ini dijalankan dengan tegasnya kita tidak khuatir apa yang berlaku jika sekiranya pemberontakan berlaku di dalam negara ini. Izinkan saya bercakap dengan terus-terang. Jadi, saya berharap supaya di

awasi dan kurangkan kebenaran-kebenaran penggunaan senjata kepada rakyat dalam negara ini supaya perkara-perkara pengawasan itu terletak semata-mata kepada pihak Polis dan juga Angkatan Bersenjata.

6.18 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab teguran-teguran Ahli Yang Berhormat yang kebanyakannya boleh dikatakan berguna dan membina, maka saya ucapkan terima kasih.

Ada Ahli Yang Berhormat suruh banyakan keluaran lesen untuk mempunyai senjata dan Ahli Yang Berhormat dari Baling pula mengesyorkan minta kurangkan lesen untuk memegang atau menyimpan senjata kerana bahaya adalah banyak. Daripada itu, score nampaknya seri. Tidak payah saya jawab bab itu. Walau bagaimanapun, saya telah berkata tadi, Kerajaan sedar iaitu sekarang kes rompak menggunakan senjata dan jenayah menggunakan senjata telah bertambah dan Kerajaan sekarang mahupun pihak Polis yang saya tahu ada mengawasi perkara ini dan menyemak semula mereka yang mempunyai senjata, mengisi borang sekali lagi menyatakan sebab-sebabnya dan juga satu daripadanya adakah sanggup mereka itu menjadi ahli RELA dan menyerahkan kalau Kerajaan hendak pakai senapang atau pistolnya untuk digunakan oleh ahli RELA yang lain. Kalau tidak, rasanya ada senjata yang diambil balik oleh pihak Kerajaan. Ini satu cadangan yang baik daripada Kerajaan dan perkara ini memanglah diawasi oleh Kerajaan.

Mengenai soal toy pistol atau pistol tiruan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut, saya suka menyatakan bahawa ada Undang-undang di sini di bawah Undang-undang 21/60—The Arms Act, siapa yang menyimpan dan menggunakan senjata dalam jenayah-jenayah yang boleh menakutkan, mereka itu sehingga memikirkan mereka akan ditembak mati, hukumannya life imprisonment atau dihukum penjara 14 tahun. Bagi seseorang yang menggunakan pistol tiruan dalam rompak atau lain-lain boleh juga dihukum penjara 14 tahun sama juga seperti senjata yang benar.

Yang keduanya, saya bacakan:

Seksyen 33—menyimpan atau membawa masuk pistol tiruan adalah satu kesalahan.

Seksyen 33 (3) berbunyi:

“Any person who shall import or have in his possession or custody an imitation arm shall be liable to imprisonment for a term not exceeding one year or to a fine not exceeding five thousand dollars or both such punishment and fine.”

Dengan syarat, katanya pula:

“A person under the age of fourteen years to possess a firearm is not an offence.”

Dengan syarat seorang yang berumur bawah 14 tahun yang ada menyimpan atau bermain pistol tiruan tidak ada kesalahan, itu menunjukkan budak-budak boleh. Kalau hendak buat undang-undang baru tidak payah mansuhkan syarat itu, budak-budak di bawah umur 14 tahun kalau ada toy pistol atau pistol tiruan kena juga hukuman dua tahun. Adakah Yang Berhormat berkehendakan begitu? Saya tidak percaya, kerana budak-budak kalau kita tahan pun tidak boleh masuk ke negara kita, saya masih ingat pengalaman saya pada masa kecil, potong batang paip dan dibuat pistol, angan-angan jadi cowboy. Kalau tidak dibawa masukpun mereka boleh buat sendiri. Misalnya, buluh boleh kita potong dan dicat hitam dan apabila siap rupanya seperti pistol. Undang-undang melindungi kanak-kanak daripada bermain toy pistol.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kanak-kanak zaman dahulu meriam pun dibuat!

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Itu besar sangat (*Ketawa*). Saya fikir patut juga kita galakkan kanak-kanak bermain meriam buluh itu, kerana kalau ada peperangan, mereka itu boleh pergi ke hadapan bersama-sama menembak dengan meriam buluh ini. Meriam buluh jarang digunakan untuk merompak.

Saya juga ingin menerangkan di sini kalau hendak membawa masuk, menjual dan menyimpan pistol-pistol tiruan itu adalah satu kesalahan, melainkan ada lesen import daripada Chief Police Officer (Ketua Pegawai Polis) Negeri itu baru dia boleh menjual pistol tiruan itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya ada jumpa kedai-kedai di negeri ini menjual pistol-pistol tiruan yang serupa pistol atau revolver boleh memberitahu kepada polis kerana itu adalah satu kesalahan. Mengang

benar banyak kita sudah tahu dua—tiga kes yang berlaku mereka telah menggunakan pistol tiruan yang mana rompakkan itu telah berlaku tetapi kemudian baru dapat diketahui. Bahayanya ada kala kita fikirkan pistol itu pistol tiruan, ada juga yang telah berlaku baru-baru ini dan apakala cuba berlawan mereka itu kena tembak. Oleh itu baiklah disifatkan siapa yang ada punyai pistol itu pistol yang betul. Itu adalah pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Setapak, saya tidak ada apa-apa lagi melainkan hendak mengucapkan terima kasih kerana teguran itu sangat membina dan menolong saya untuk menjalankan kerja-kerja saya, Insya Allah, saya percaya Kementerian-kementerian yang berkenaan dan lain-lain seperti Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri khasnya dan pihak Polis akan mengambil catitan atas teguran-teguran itu dan cuba menimbangkan dan meneliti pandangan-pandangan yang telah dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi.

Berkenaan dengan lawful excuse ataupun had mana seperti Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor bertanya seseorang itu menggunakan senjatapi untuk mempertahankan diri. Makna lawful excuse yang ada tercatat dalam Penal Code katanya, dan saya tengok dalam Penal Code ini, Tuan Yang di-Pertua, panjang sangat kalau hendak dibacakan, tetapi terang dan nyata di dalamnya ialah kalau untuk membuat perlindungan diri. Saya terangkan di sini for private defence, dan saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat di sini kalau hendak menggunakan pistol pada masa akan datang had mana boleh digunakan menembak orang itu mati.

“When the right of private defence of the body extends to causing death.” The right of private defence of the body extends, under the restrictions mentioned in the last preceding section, to the voluntary causing of death or of any other harm to the assailant, if the offence which occasions the exercise of the right be of any of the descriptions hereinafter enumerated:

- (1) Such an assault as may reasonably cause the apprehension that death will

otherwise be the consequence of such assault;

Sekiranya kita bimbang seorang itu hendak pukul kita dan kita fikir kita boleh jadi kita mati kalau kena—tembaklah.

- (2) Such an assault as may reasonably cause the apprehension that grievous hurt will otherwise be the consequence of such assault;

Kalau kita fikir orang itu memukul kita akan menjadi grievous hurt iaitu patah salah satu tulang kita—tembaklah juga.

- (3) An assault with the intention of committing rape;

Cuba hendak merogol perempuan, bunuhlah orang itu.

Bagi lelaki pula;

- (4) An assault with the intention of gratifying unnatural lust;

Tembaklah (*Ketawa*).

- (5) An assault with the intention of kidnapping or abducting;

Boleh juga sampai mati.

- (6) An assault with the intention of wrongfully confining a person, under circumstances which may reasonably cause him to apprehend that he will be unable to have recourse to the public authorities for his release.

Kepada seorang itu ditangkap, disimpan dan sorok di tempat lain yang difikirkan dia tidak boleh lepas, tidak boleh dapat hendak berjumpa pihak polis atau lain-lain boleh membunuh mereka itu melepaskan diri. Banyak lagi perkara-perkara lain yang hendak saya sebutkan di sini, misalnya, robbery, harta-benda merompak house-breaking by night, memecah rumah waktu malam boleh bunuh, tidak ada salah. Mischief by fire cuba hendak membakar rumah kita, kalau kita bimbang tidak tembak dia bakar rumah—tembak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri baca itu Penal Code nombor berapa?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Section 103. Theft, mischief, or house-trespass, under such circumstances as may reasonably cause apprehension that death or grievous hurt will be the consequence, if such right of private

defence is not exercised. Tetapi saya pesan-kan lagi satu sahaja kalau dia sudah lari jangan pula kejar dari belakang dan ditembak mati, itu tidak ada private defence, maknanya membalas dendam dan bela. Hukumannya itu ringanlah sedikit sebab panas di hati. Itulah saya kata tadi benda itu ada dalam Penal Code, tetapi hendaklah di-hurai dan dibacanya. Kepada tiap-tiap seorang yang mempunyai senjatapi saya nasihatkan hendaklah membaca sedikit-sedikit dan tahu undang-undang berkenaan dengan senjatapi itu, apa kesalahannya kalau hilang atau dicuri orang dan had mana senjata itu boleh digunakan sampai kita boleh menembak orang itu. Kalau tidak tahu undang-undang dan cara-cara yang saya sebutkan tadi, saya nasihatkan pulangkanlah balik senjata itu kepada pihak Polis.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Baram memanglah betul kalau sekiranya seorang itu mengenali ajaran Tuhan, walau apa agama sekali pun dan hati mereka telah diubah oleh Tuhan dan dia tahu seksanya selepas mati dan takutkan Tuhan, maka apakala mereka itu berubah fikirannya oleh sebab takut kepada Tuhan atau hukuman selepas mati tidak kira apa agama sekali pun sememangnya mereka akan menjadi baik. Tetapi yang susah, walaupun kita sudah mencubanya dalam penjara, di Pulau Jerejak, tetapi tidak banyak sangat yang mahu mengubah fikiran dengan cara menggunakan agama ini. Tetapi memang benar sejelas-jelas dan sebaik-baiknya punca segala-galanya ialah rohani seseorang itu. Kalau rohaninya bersih dan baik, takut kepada Tuhan dan kuat kepada agama, bukan sahaja jenayah senjatapi bahkan semua jenayah lain yang saya sebutkan tidak akan dibuat. Dan perkara ini daripada segi agama Islam memang telah dijalan dan disebutkan di dalam khutbah-khutbah Sembahyang Jumaat berkenaan dengan jenayah yang kita bincangkan dalam Parlimen ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban kerana saya dapati kali ini teguran-tegurannya adalah membina dan berguna dan dia mencadangkan diadakan Vigilante Corps. Saya fikir kalaulah dalam bandar Seremban perkara itu betul berlaku, sebagaimana yang diceritakan di hadapan kita, untuk mengelakkan gangster dan lain-lain, pihak memungut dan memeras wang daripada rumah ke rumah dan penjaja-penjaja patutlah

mereka itu membuat permohonan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya RELA ditubuhkan dalam suatu kawasan baik pun dalam bandar supaya menjaga keamanan dalam satu kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Ledang dan lain-lain saya menyatakan bahawa teguran-teguran itu boleh membina, tetapi saya menerangkan di sini merompak bank dengan menggunakan senjatapi adalah sama hukuman dengan merompak yang lain-lain iaitu hukumannya ialah dibunuh. Saya terangkan di sini kalau seorang itu merompak bank dengan membawa pistol sahaja, tetapi tidak dikeluarkan hukumannya jail seumur hidup, tetapi kalau dicabut pistol itu ditembak sekali walaupun tidak luka seorang jua pun ataupun luka tetapi tidak mati, hukumannya ialah mati. Hukumannya telah-pun sedia ada, melainkan kalau diminta satu Undang-undang khas, sesiapa yang merompak sesebuah bank hukumannya ialah mati atau gantung—itu lainlah, kerana kalau kita membuat hukuman itu orang tidak hendak merompak bank, maka mereka berpaling tadah merompak kedai emas, treasury dan rumah-rumah kita pula dirompaknya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat Menteri?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Ledang. Had itulah yang dapat saya jawabkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

PENANGGUHAN

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN TANGGUHAN

BANJIR DI KUALA LUMPUR

6.35 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, di samping saya berucap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, bandar Kuala Lumpur hari ini diancam oleh banjir mengejut. Ia hanya mengambil masa sejam sahaja hujan terdapat banjir berlaku di kebanyakan tempat di Kuala Lumpur. Banjir yang berlaku ini menyebabkan kesukaran kepada setinggan-setinggan dan kadang-kadang menyebabkan kerosakan, nyawa dan harta. Dalam bandar, banjir adalah satu sebab berlaku kegendalaan kepada lalulintas. Motokar dan lain-lain kenderaan mungkin tidak dapat bergerak. Keadaan banjir di dalam bandar membawa kesukaran kepada peniaga-peniaga apabila air banjir memasuki kedai mereka. Sebagai Wakil Rakyat Bandar Kuala Lumpur yang mana selalu menerima aduan daripada penduduk-penduduk dalam kawasan mengenai perkara itu, saya terpaksa menyuarakan kebimbangan saya atas masalah ini. Disebabkan hujan sejam sahaja berterusan boleh menyebabkan betapa banyak kesukaran dan kerosakan kepada orang ramai, maka kerajaan mesti ambil langkah untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah diberitahu dalam Dewan ini pada beberapa hari yang lepas bahawa satu rancangan jangka panjang bagi mencegah banjir telah dirancang oleh Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi untuk dilaksanakan oleh pihak berkuasa. Dewan juga diberitahu bahawa rancangan pamaritan telahpun dirancang untuk Bandaraya Kuala Lumpur.

(*Dengan izin*) Sir, as I said just now, this House was told a few days ago that a long-term flood alleviation programme as well as a comprehensive drainage Master Plan has been prepared for Kuala Lumpur. This announcement is heartening. However, after having read a statement from the Minister of General Planning and Socio-Economic Research in the Press on May 18, 1975, I am made to wonder how soon this long-term plan can be implemented. The Minister concerned was reported in the Press as having stated that Kuala Lumpur might become a flood-free city in 15 years, but this would only be possible if the Government could raise as much as \$500 million or more to tackle the City's flash flood problem.

Tuan Speaker, to attempt to make Kuala Lumpur flood-free in 15 years involving an expenditure of as much as \$500 million is undoubtedly a gigantic and laudable task, depending of course on whether the Government is able to raise the said sum of money. However, if it is the ultimate objective to overcome the flash flood problem in Kuala Lumpur, then it is my view that the money should be found by all available means.

Tuan Speaker, while waiting for the implementation of this long-term plan to solve flooding in Kuala Lumpur, effective short-term measures should be implemented by Dewan Bandaraya to fight flash floods. The two main causes of flash flooding in Kuala Lumpur are:

- (1) Indiscriminate land development by developers without taking adequate precautionary measures to prevent flooding low-lying areas;
- (2) Choking up of drains which are maintained by Dewan Bandaraya.

I urge the Government to take a very serious view of these two problems and take steps to ensure that they should not be the causes of flash flood in the City. City Hall should see to the effective enforcement of its by-laws concerning developers to ensure that chokages do not occur. Until now enforcement had not been effective.

Finally, I would also urge Dewan Bandaraya, in view of the formation of its recent flood squad, to keep a close watch on strategic flood-prone areas, to locate the drainage system and remove debris before and during a downpour.

This flood squad of Dewan Bandaraya should deploy as many workers as possible to inspect all public drains in Kuala Lumpur and see that all dirt and obstacles should be removed from the drains. Till now this has not been effectively done, and I hope that this will be rectified accordingly.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah terangkan di Dewan ini semasa menjawab soalan beberapa hari dahulu, satu Rancangan Menegah Banjir yang lengkap bagi Kuala Lumpur telah disediakan dan diluluskan oleh Kerajaan dan soal-soal yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat patut tidak timbul lagi.

Berikutan dari keputusan ini, Biro Reklamas, Jabatan Dalam Negeri, Amerika Syarikat telah dilantik untuk menjalankan kajian awalan, mereka-bentuk dan menyelia pembinaan untuk meninggikan Ampangan Genting Kelang yang ada sekarang dan juga pembinaan sebuah ampangan di Sungai Batu. Kajian ini dijangka akan siap tidak lama lagi. Penyiasatan dan perancangan secara teliti untuk memperbaiki terusan sungai-sungai itu sedang berjalan sekarang.

Sebuah Jawatankuasa Teknik Bersama yang mengandungi pegawai-pegawai dari Jabatan-jabatan Persekutuan dan Negeri telah juga baru-baru ini menyediakan satu Pelan Induk bagi sistem pamaritan (Urban Drainage Master Plan) bagi Wilayah Persekutuan dan sekitarnya.

Sebagai sebahagian daripada pelan ini, pihak Dewan Bandaraya bercadang hendak memperbaiki sistem pamaritan bagi sungai-

sungai dan parit-parit yang berikut dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga seperti yang telah saya sebutkan dalam jawapan saya pada tempoh hari dahulu:

- (a) Sungai Berberas (Jalan Bangsar);
- (b) Sungai Bunus By-Pass (Kampung Baru);
- (c) Sungai Bunus Channel (Kampung Baru hingga Wardieburn Estate);
- (d) Parit Air Panas;
- (e) Sungai Anak Air Batu (University Mosque);
- (f) Sungai Untut (Sentul Area);
- (g) Sungai Keroh (Kepong dan Batu Area);
- (h) Kuchai Lama; dan
- (i) Jalan Kelang Lama.

Sebagai langkah sementara, Dewan Bandaraya telah menempatkan pekerja-pekerja ke tempat-tempat yang tertentu untuk membuang kekotoran atau halangan untuk menentukan aliran air semasa hujan lebat.

Jadi apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat telah dijalankan oleh Dewan Bandaraya dan teguran-tegurannya boleh dikatakan "speaking to the converted."

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.